

Kutub al-Tis'ah Hadith Sebagai Sumber Epistemologi Islam Hak Kanak-kanak: Analisis Tematik

The Kutub al-Tis'ah as an Islamic Epistemological Foundation for Children's Rights: A Thematic Analysis

¹ Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia

² Akademi Pengajian Islam, Pusat Pendidikan Universiti Malaya (UMEC), Bachok, Kelantan, Malaysia

³ Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia

Email: ¹Ibnuhazban10@gmail.com, ²Khairulnazrin@um.edu.my, ³Ishaks@um.edu.my

ABSTRAK

Wacana hak kanak-kanak kontemporari sering didominasi oleh kerangka perundangan sekular, menimbulkan persoalan tentang kedudukan dan sumber autoriti hak kanak-kanak dalam tradisi Islam. Kajian ini berhujah bahawa Kutub al-tis'ah iaitu sembilan himpunan hadith induk dalam Islam berfungsi sebagai sumber epistemologi Islam yang fundamental untuk mengasaskan dan mengesahkan hak-hak kanak-kanak (*huqūq al-tifl*). Dengan menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis kandungan tematik, artikel ini mengkaji hadith-hadith yang relevan daripada kitab-kitab ini dengan menekankan autoriti teks hadith sebagai sumber pengetahuan primer. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *Kutub al-tis'ah* mengandungi nas-nas yang jelas dan sistematik yang menggariskan pelbagai hak asasi kanak-kanak. Analisis tematik mengkategorikan hak-hak ini kepada tujuh tema utama: [1] Hak kehidupan dan perlindungan; [2] Hak nasab dan identiti; [3] Hak keadilan dan kesamarataan; [4] Hak nafkah dan jaminan sosial; [5] Hak pendidikan dan pembentukan akhlak; [6] Hak kasih sayang dan kesejahteraan emosi; dan [7] Hak golongan istimewa seperti anak yatim. Kajian ini merumuskan bahawa hak-hak ini bukanlah sekadar nilai etika yang anjal, tetapi merupakan prinsip-prinsip syariah yang tetap (*thawābit*) yang berakar umbi secara epistemologi dalam Sunnah Nabawi. Justeru, *Kutub al-tis'ah* menyediakan asas teoretikal yang kukuh dan autentik bagi para penggubal dasar, pendidik, dan ibu bapa Muslim dalam memperjuangkan serta melaksanakan hak kanak-kanak selaras dengan Maqāsid al-Sharī'ah.

Kata kunci: Hak Kanak-Kanak; Kutub al-tis'ah; Hadith Tematik; Epistemologi Islam; Maqasid al-Shariah

ABSTRACT

Contemporary discourse on children's rights is often dominated by secular legal frameworks, raising questions about the position and source of authority for children's rights within Islamic tradition. This study argues that the Kutub al-tis'ah, the nine canonical hadith collections in Islam function as



fundamental Islamic epistemological sources for establishing and validating children's rights (ḥuqūq al-ṭifl). Employing a qualitative approach based on thematic content analysis, this article examines relevant hadiths from these compilations, emphasizing the authority of hadith texts as primary sources of knowledge. The research findings demonstrate that the Kutub al-tis'ah contain clear and systematic texts that outline various fundamental rights of children. The thematic analysis categorizes these rights into seven main themes: [1] Right to life and protection; [2] Right to lineage and identity; [3] Right to justice and equality; [4] Right to maintenance and social security; [5] Right to education and moral formation; [6] Right to affection and emotional well-being; and [7] Rights of special groups such as orphans. This study concludes that these rights are not merely flexible ethical values, but rather immutable Sharia principles (thawābit) that are epistemologically rooted in the Prophetic Sunnah. Thus, the Kutub al-tis'ah provide a robust and authentic theoretical foundation for Muslim policymakers, educators, and parents in advocating for and implementing children's rights in accordance with Maqāṣid al-Sharī'ah.

Keywords: Children's Rights; Kutub al-Tis'ah; Thematic Hadith; Islamic Epistemology; Maqasid al-Shariah

PENDAHULUAN

Wacana hak asasi manusia global pada era pasca-Perang Dunia Kedua telah menyaksikan kemunculan pelbagai instrumen perundangan antarabangsa yang bertujuan melindungi martabat dan kesejahteraan insan (Samuri et al., 2021; Azmi & Basir, 2020). Antara yang paling signifikan ialah Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC) yang diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1989, yang kini menjadi perjanjian hak asasi manusia yang paling banyak diratifikasi dalam sejarah (Manaf, 2023; Hamzah, 2018; Hutchinson et al., 2015; Olowu, 2010). Konvensyen ini menggariskan hak-hak sivil, politik, ekonomi, sosial, kesihatan, dan budaya kanak-kanak secara komprehensif. Namun, dalam konteks dunia Islam, pelaksanaan dan penerimaan kerangka hak asasi manusia universal ini sering kali menimbulkan perdebatan teologi dan perundangan, terutamanya berkaitan persoalan keselarasan antara prinsip-prinsipnya dengan ajaran Syariah.

Perdebatan ini sering berpunca daripada tanggapan bahawa konsep "hak" merupakan hasil pemikiran Pencerahan Barat yang bersifat antroposentrisme (Tampilang, 2023; Sulaeman et al., 2021), manakala kerangka Islam pula bersifat teosentrisme (Kelvin & Darmawan, 2025; Moqsith & Al Farisi, 2025; Anggraini, 2021). Walau bagaimanapun, tanggapan ini mengabaikan fakta bahawa tradisi keilmuan Islam, melalui sumber-sumber primernya iaitu al-Quran dan al-Sunnah, telah pun menggariskan satu kerangka hak dan perlindungan kanak-kanak yang holistik dan mendalam jauh sebelum wujudnya deklarasi-deklarasi moden (Hazban et al., 2025). Masalah utama yang sering timbul dalam wacana kontemporari ialah kecenderungan untuk membincangkan hak kanak-kanak dalam Islam secara umum dan normatif (Rafiqah et al., 2025; Puspitasari et al., 2024), tanpa pengakaran yang sistematik kepada sumber hadith yang paling berautoriti. Perbincangan ini sering terpisah daripada kerangka epistemologi Islam yang mantap, sehingga hujah-hujah yang dikemukakan lebih bersifat apologetik daripada dibangunkan secara kukuh berasaskan tradisi keilmuan Islam.

Justeru, artikel ini mengemukakan bahawa *Kutub al-tis'ah*, sebagai penulisan hadith yang diterima secara meluas oleh umat Islam, bukan sekadar sebuah koleksi naratif sejarah atau etika, tetapi merupakan sumber epistemologi Islam (*maṣḍar ma'rifi*) yang fundamental untuk mengasaskan dan mengesahkan hak-hak kanak-kanak (*ḥuqūq al-ṭifl*) dalam Islam (Rizky, 2024; Hadi, 2023; Siregar, 2014).

Konsep teras yang mendasari kajian ini ialah *Kutub al-tis'ah* dan epistemologi Islam yang berpusatkan nas. Istilah *Kutub al-tis'ah* merujuk kepada sembilan kitab hadith induk yang menjadi rujukan utama dalam tradisi Islam. Ia terdiri daripada enam kitab yang dikenali sebagai *Kutub al-Sittah* iaitu Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Muslim, Sunan Abī Dāwūd, Sunan al-Tirmidhī, Sunan al-Nasā'ī, dan Sunan Ibn Mājah ditambah dengan tiga kitab lain yang turut memiliki autoriti tinggi, iaitu Muwaṭṭa' Mālik, Musnad Aḥmad, dan Sunan al-Dārimī. Kedudukan koleksi ini, terutamanya al-Ṣaḥīḥayn (Bukhari dan Muslim), adalah amat tinggi dan dianggap sebagai sumber paling sahih selepas al-Quran (Zani et al., 2024; Sin & Ahmad, 2022).

Metodologi yang amat ketat dan teliti yang digunakan oleh para penyusun kitab-kitab ini, khususnya Imam al-Bukhari dan Imam Muslim, dalam proses pengesahan (*taṣḥīḥ*) hadith adalah

manifestasi praktikal daripada tuntutan epistemologi Islam itu sendiri (Azhar, 2021; Nadhirah, 2017; Iksan et al., 2016). Keperluan terhadap sumber teks yang boleh dipercayai dan autentik telah mendorong para muḥaddithūn untuk menyaring dan memelihara Sunnah Nabawi (Sabri & Sapri, 2024; Ismail, 1995). Hasilnya, Kutub al-tis'ah menjadi himpunan teks yang paling selamat untuk dijadikan sandaran selepas al-Quran. Oleh itu, penggunaan himpunan ini dalam kajian hak kanak-kanak bukanlah satu pilihan sewenang-wenangnya, tetapi satu keperluan metodologi untuk memastikan sebarang prinsip yang dirumuskan benar-benar berakar pada sumber wahyu yang paling autentik (Rusuli & Daud, 2015; Muhsin, 2014).

Berdasarkan penelitian ini, objektif kajian ini adalah seperti berikut: [pertama] mengenal pasti dan mengklasifikasikan secara tematik hadith-hadith yang berkaitan dengan hak kanak-kanak dalam Kutub al-tis'ah; [kedua] menganalisis hadith-hadith tersebut bagi merumuskan prinsip-prinsip utama hak kanak-kanak dalam Islam; dan [ketiga] menunjukkan bagaimana Sunnah Nabawi, yang terkandung dalam Kutub al-tis'ah, berfungsi sebagai sumber epistemologi yang kaya, dinamik, dan relevan untuk mendepani isu-isu kontemporari berkaitan kanak-kanak. Skop kajian ini terhad kepada analisis teks hadith dalam sembilan kitab tersebut, dengan sokongan daripada syarahan ulama klasik dan analisis sarjana moden.

ULASAN KAJIAN LEPAS

Kajian mengenai hak kanak-kanak dalam Islam telah berkembang pesat, terutamanya sebagai respons kepada wacana hak asasi manusia global (Karimullah, 2023; Olowu, 2010). Namun, kajian literatur ini boleh diklasifikasikan kepada tiga cabang utama yang sering kali wujud secara selari tanpa integrasi yang mendalam: kajian mengenai hak kanak-kanak dalam perundangan Islam, kajian teknikal mengenai autoriti hadith, dan kajian falsafah mengenai epistemologi Islam.

Kajian-kajian mengenai hak kanak-kanak dalam Islam (ḥuqūq al-ṭifl) secara umumnya menekankan bahawa Islam menyediakan satu kerangka perlindungan yang komprehensif (Karimullah, 2023; Husni & Pakarti, 2023). Para sarjana seperti Ibnu Qayyim al-Jawziyyah (2019) melalui penulisan Tuḥfat al-mawdūd bi-ahkām al-mawlūd, Nasih Ulwan (1985) dalam karyanya Tarbiyatul Aulad fil Islam, dan ramai lagi telah membincangkan pelbagai hak spesifik, termasuk hak untuk hidup, hak mendapat nama yang baik, hak penyusuan, hak nafkah, hak pendidikan, dan hak perlindungan daripada sebarang bentuk kemudaratan (Ubaidilla & Yuanita, 2021; Maula, 2019; Lestari, 2019; Subchi, 2019). Kebanyakan kajian ini berjaya mengemukakan dalil-dalil daripada al-Quran dan hadith untuk menyokong hujah mereka.

Namun, satu kelemahan yang ketara ialah dalil-dalil hadith yang digunakan sering kali dipetik secara umum tanpa pembatasan skop kepada himpunan hadith yang diiktiraf autoritinya seperti Kutub al-tis'ah, dan jarang sekali dibincangkan dalam kerangka epistemologi yang eksplisit. Sebahagian kajian yang lebih mendalam turut mengaitkan hak-hak ini dengan objektif syariah (Maqāṣid al-Sharī'ah), terutamanya pemeliharaan jiwa (hifz al-nafs) dan pemeliharaan keturunan (hifz al-nasl), yang memberikan asas falsafah perundangan yang kukuh kepada perbincangan tersebut.

Cabang kedua literatur adalah dalam bidang 'Ulūm al-Ḥadīth, yang memberi tumpuan kepada autoriti dan metodologi himpunan hadith. Kajian-kajian klasik oleh tokoh seperti Ibn al-Salah dan al-Nawawi, serta kajian-kajian moden, secara konsisten mengesahkan kedudukan Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dan Ṣaḥīḥ Muslim sebagai kitab-kitab yang paling sahih selepas al-Quran. Para pengkaji telah menganalisis secara terperinci metodologi yang amat ketat yang digunakan oleh Imam al-Bukhari, seperti syarat pertemuan secara langsung (liqā') antara perawi, yang menjadikannya lebih ketat berbanding syarat sezaman (mu'āṣarah) yang digunakan oleh Imam Muslim (Ramadhani, 2025; Dzulraidi, 2024). Kajian-kajian teknikal ini amat penting dalam mengesahkan kebolehpercayaan *Kutub al-tis'ah* sebagai sumber data, namun ia jarang sekali menghubungkan penulisan hadith ini secara langsung dengan isu-isu substantif seperti hak asasi manusia atau hak kanak-kanak. Fokusnya lebih kepada aspek kesahihan sanad dan kritikan perawi.

Cabang ketiga pula merangkumi kajian-kajian dalam bidang falsafah dan pemikiran Islam yang menghuraikan model-model epistemologi Islam (Zain, 2025; Amir, 2021; Azram, 2011; Soleh, 2005). Kajian-kajian ini menyediakan kerangka teoretikal yang penting, namun ia sering kali kekal pada tahap abstrak dan jarang diaplikasikan secara sistematik untuk menganalisis isu-isu perundangan kontemporari berdasarkan sumber hadith yang spesifik.

Kewujudan tiga cabang literatur yang bergerak secara selari ini telah mewujudkan satu pembahagian ilmu. Sarjana perundangan Islam mungkin memetik hadith tanpa meneliti kekuatan

epistemologinya, manakala pakar hadith pula mungkin mengesahkan kesahihan sesebuah hadith tanpa meneroka implikasi perundangan dan etika yang terkandung di dalamnya terhadap isu-isu semasa. Jurang kajian (*research gap*) yang paling ketara terletak pada ketiadaan satu "jambatan epistemologi" yang menghubungkan ketiga-tiga bidang ini. Walaupun terdapat banyak kajian mengenai hak kanak-kanak dalam Islam.

Kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan menggunakan autoriti teks *Kutub al-Tis'ah* itu sendiri sebagai jambatan metodologi untuk menghubungkan korpus hadith yang sahih dengan aplikasi perundangan dan etikanya (hak kanak-kanak). Dengan berbuat demikian, kajian ini bukan sahaja mengisi kekosongan dalam literatur, tetapi juga menawarkan satu pendekatan metodologi yang lebih kukuh untuk merumuskan teori hak kanak-kanak yang autentik dalam Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya, dengan reka bentuk berasaskan kajian perpustakaan (*library research*) untuk mengumpul dan menganalisis data daripada sumber-sumber primer dan sekunder (Subagiya, 2023; Rabianski; 2003). Pendekatan ini dipilih kerana ia amat bersesuaian dengan matlamat kajian untuk melakukan analisis mendalam terhadap teks-teks hadith dan wacana keilmuan yang berkaitan dengannya.

Sumber data bagi kajian ini dibahagikan kepada dua kategori utama. Sumber primer terdiri daripada sembilan kitab hadith yang membentuk *Kutub al-tis'ah*: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dāwūd*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā'ī*, *Sunan Ibn Mājah*, *Muwatta' Mālik*, *Musnad Aḥmad*, dan *Sunan al-Dārimī*. Kitab-kitab ini menjadi sumber utama bagi data hadith yang akan dianalisis. Sumber sekunder pula merangkumi kitab-kitab syarah hadith (*shurūḥ al-ḥadīth*) oleh ulama klasik seperti Ibn Hajar al-Asqalani dan Imam al-Nawawi, buku-buku mengenai *Maqāsid al-Sharī'ah*, serta artikel-artikel jurnal akademik kontemporari yang relevan dengan topik hak kanak-kanak, epistemologi Islam, dan pengajian hadith.

Proses pengumpulan data dilaksanakan melalui kaedah *takhrīj al-ḥadīth* (penjejakan hadith) secara tematik. Proses ini melibatkan penggunaan perisian hadith digital seperti *Jāmi' al-Kutub al-Tis'ah* dan *Maktabah Shamilah*. Pencarian dilakukan secara sistematik dengan menggunakan pelbagai kata kunci dalam bahasa Arab yang berkaitan dengan kanak-kanak, seperti *ṭifl* (طفل), *walad* (ولد), *ṣabī* (صبي), *ghulam* (غلام), *jāriyah* (جارية), *yatīm* (يتيم), serta konsep-konsep berkaitan seperti *rahmah* (رحمة - kasih sayang), *'adl* (عدل - adil), *tarbiyah* (تربية - pendidikan), dan *nafaqah* (نفقة - nafkah). Hadith-hadith yang dikenal pasti kemudiannya disemak silang dengan edisi cetak yang muktabar untuk memastikan ketepatan teks dan sanad.

Kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis kandungan tematik (*al-taḥlīl al-mawḍū'ī*) yang dibingkaikan oleh metodologi *fiqh al-ḥadīth*. Proses analisis ini melibatkan beberapa langkah:

1. Pengklasifikasian Tematik: Hadith-hadith yang telah dikumpulkan dan disahkan kesesuaiannya akan dikategorikan ke dalam beberapa tema utama yang mewakili aspek-aspek hak kanak-kanak. Tema-tema ini muncul secara induktif daripada data hadith itu sendiri.
2. Aplikasi Metodologi Analisis Hadith: Setiap hadith dalam setiap tema akan dianalisis secara mendalam melalui tiga aspek utama:
 - **Autoriti Teks (*Hujjiyyat al-Naṣṣ*):** Status kesahihan hadith (sahih atau hasan) ditegaskan berdasarkan kedudukannya dalam *Kutub al-tis'ah*. Autoriti teks ini menjadi titik tolak epistemologi bagi sebarang hujah yang dibina.
 - **Analisis Linguistik (*al-Taḥlīl al-Lughawī*):** Makna literal dan kontekstual lafaz-lafaz kunci dalam matan hadith dianalisis untuk memahami maksud sebenar yang terkandung di dalamnya. Ini melibatkan rujukan kepada kamus-kamus Arab klasik dan syarahan para ulama.
 - **Pengambilan Dalil dan Pengistinbatan Hukum (*Istidlāl wa Istinbāt*):** Berdasarkan analisis teks, prinsip-prinsip, hukum-hakam, dan nilai-nilai etika diekstrak secara langsung daripada hadith. Proses ini menunjukkan bagaimana Sunnah berfungsi sebagai penjelas (*bayān*) kepada prinsip-prinsip umum dalam al-Quran dan sebagai sumber perundangan yang tersendiri. Analisis ini diperkaya dengan merujuk kepada pandangan para *shāriḥīn* (komentator hadith) dan *fuqaha* untuk memahami bagaimana nas-nas ini telah difahami dan diaplikasikan sepanjang sejarah keilmuan Islam.

Dengan metodologi ini, kajian ini bukan sahaja menghimpunkan hadith-hadith berkaitan kanak-kanak, tetapi juga membina satu argumentasi yang koheren tentang bagaimana hak-hak mereka diasaskan secara epistemologi daripada sumber kedua terpenting dalam Islam.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis terhadap hadith-hadith dalam *Kutub al-tis'ah* mendedahkan satu kerangka hak kanak-kanak yang amat kaya dan komprehensif. Dapatan ini bukan sahaja mengesahkan kewujudan hak-hak tersebut, tetapi yang lebih penting, ia menunjukkan bagaimana hak-hak ini diasaskan secara epistemologi melalui nas-nas yang jelas dan berautoriti. Perbincangan ini dibahagikan kepada tiga bahagian: [A] Asas-asas epistemologi dan *Maqāsid* hak kanak-kanak, [B] Analisis tematik hadith-hadith hak kanak-kanak, dan [C] Implikasi dan kontekstualisasi kontemporari.

Bahagian A: Asas-Asas Epistemologi dan *Maqasid* Hak Kanak-kanak

Asas epistemologi kajian ini meletakkan al-Sunnah, yang dipelihara dalam *Kutub al-Tis'ah*, sebagai sumber autoriti primer selepas al-Quran. Ia berfungsi sebagai sumber hukum yang bebas (*tashrī' mustaqill*). Oleh itu, sebarang hak yang ditetapkan melalui hadith yang sahih mempunyai kekuatan epistemologi yang sama seperti hukum-hakam lain dalam syariah.

Kerangka hak kanak-kanak ini tidak wujud dalam ruang yang terpisah, tetapi disokong oleh falsafah perundangan Islam yang lebih luas, iaitu *Maqāsid al-Sharī'ah* (objektif-objektif syariah) (Umar & Mat, 2024; Auda, 2018; Abdullah, 2017). Hak-hak yang akan dibincangkan ini secara langsung menyumbang kepada pemeliharaan lima keperluan asasi (*al-darūriyyāt al-khamsah*):


1. **Pemeliharaan Agama (*Hifz al-Dīn*):** Melalui hak pendidikan akidah dan ibadah.
2. **Pemeliharaan Jiwa (*Hifz al-Nafs*):** Melalui hak untuk hidup, perlindungan fizikal, dan kesihatan mental.
3. **Pemeliharaan Akal (*Hifz al-'Aql*):** Melalui hak pendidikan (*tarbiyah, ta'lim*) dan perkembangan intelektual.
4. **Pemeliharaan Keturunan (*Hifz al-Nasl*):** Melalui hak nasab, identiti, dan persekitaran keluarga yang sihat.
5. **Pemeliharaan Harta (*Hifz al-Māl*):** Melalui hak nafkah, perlindungan terhadap harta anak, terutamanya anak yatim.

Dengan ini, setiap hak kanak-kanak yang diekstrak daripada hadith bukan sahaja mempunyai sandaran tekstual yang kukuh, tetapi juga selari dengan tujuan-tujuan agung syariat Islam.

Bahagian B: Analisis Tematik Hadith-Hadith Hak Kanak-Kanak

Analisis tematik terhadap hadith-hadith dalam *Kutub al-tis'ah* telah menghasilkan tujuh tema utama hak kanak-kanak. Rajah 1 menunjukkan ringkasan kepada tujuh tematik berkaitan hak kanak-kanak.

Rajah 1: Tujuh Tema Utama Hak Kanak-kanak



Seterusnya, jadual 1 di bawahnya memberikan ringkasan pemetaan tema-tema ini dengan contoh hadith rujukan, prinsip epistemologi yang diekstrak, dan kaitannya dengan *Maqāṣid al-Sharī'ah*.

Jadual 1: Pemetaan Tematik Hak Kanak-Kanak dalam Kutub Al-tis'ah dan Kaitannya dengan Maqasid al-Shari'ah

Tema Hak Kanak-Kanak	Hadith Rujukan (Matan Ringkas & Takhrij)	Prinsip Epistemologi yang Diekstrak	Kerangka Maqasid al-Shari'ah
1. Hak Kehidupan & Perlindungan	Dosa kedua terbesar selepas syirik ialah "engkau membunuh anakmu kerana takut ia akan makan bersamamu." (HR. al-Bukhari & Muslim)	Kehidupan anak adalah suci dan tidak boleh dicabuli atas alasan ekonomi. Perlindungan bersifat holistik (fizikal, janin, dan spiritual).	<i>Hifz al-Nafs</i>
2. Hak Nasab & Identiti	"Anak itu bagi pemilik ranjang (suami yang sah), dan bagi pezina adalah batu." (HR. al-Bukhari & Muslim)	Nasab adalah asas identiti. Anak berhak mendapat nama baik dan dibesarkan dalam identiti agama (fitrah).	<i>Hifz al-Nasl</i>
3. Hak Keadilan & Kesamarataan	Nabi SAW enggan menjadi saksi pemberian yang tidak adil kepada anak dan menyifatkannya sebagai kezaliman (<i>jawr</i>). (HR. al-Bukhari & Muslim)	Keadilan material dan emosi antara anak-anak adalah satu kewajipan syarak, dan diskriminasi (termasuk gender) adalah haram.	<i>Hifz al-Dīn, Hifz al-Nafs</i> (emosi)

4. Hak Nafkah & Jaminan Sosial	"Cukuplah seseorang itu berdosa apabila dia mengabaikan tanggungjawabnya ke atas sesiapa yang berada di bawah penjagaannya." (HR. Abu Daud)	Nafkah (makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan) dan hak penyusuan adalah kewajipan yang ditetapkan nas dan pengabaianya adalah satu dosa besar.	<i>Hifz al-Nafs, Hifz al-Māl</i>
5. Hak Pendidikan & Akhlak	"Perintahkanlah anak-anakmu untuk solat ketika berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka (jika enggan) pada usia sepuluh tahun." (HR. Abu Daud)	Pendidikan adalah proses Tarbiyah, Ta'lim, dan Ta'dib yang seimbang, berperingkat, dan berasaskan qudwah yang menggabungkan galakan, pengajaran, dan disiplin.	<i>Hifz al-Dīn, Hifz al-'Aql</i>
6. Hak Kasih Sayang & Emosi	Nabi SAW mencium cucunya Hasan & Husain, dan mendukung Umamah ketika solat. (HR. al-Bukhari & Muslim)	Kepedulian fizikal (rahmah) dan kelembutan (rifq) adalah Sunnah. Kesejahteraan emosi merupakan hak kanak-kanak.	<i>Hifz al-Nafs</i> (kesihatan mental)
7. Hak Golongan Istimewa (Yatim)	"Aku dan penjaga anak yatim di dalam syurga seperti ini (jari telunjuk & tengah)." (HR. al-Bukhari)	Penjagaan anak yatim adalah ibadah. Perlindungan harta dan maruah mereka adalah <i>thawābit</i> syariah.	<i>Hifz al-Nafs, Hifz al-Māl, Hifz al-Nasl</i>

Tema 1: Hak Kehidupan dan Perlindungan (*Ḥaqq al-Ḥayāh wa al-Ḥimāyah*)

Hak yang paling asasi bagi seorang kanak-kanak ialah hak untuk hidup. Islam bukan sahaja melarang pembunuhan, tetapi mengangkat kesucian nyawa ke tahap yang amat tinggi. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud, beliau bertanya kepada Rasulullah SAW

أَيُّ الذَّنْبِ أَكْبَرُ عِنْدَ اللَّهِ؟ قَالَ: (أَنْ تَجْعَلَ لِلَّهِ نِدَاءً وَهُوَ خَلْقَكَ). قُلْتُ: إِنَّ ذَلِكَ لَعَظِيمٌ، قُلْتُ: ثُمَّ أَيُّ؟ قَالَ: (وَأَنْ تَقْتُلَ وَلَدَكَ تَخَافُ أَنْ يَطْعَمَ مَعَكَ)

Terjemahan: "Apakah dosa yang paling besar?" Baginda menjawab, "Engkau menjadikan sekutu bagi Allah sedangkan Dia yang menciptakanmu." Aku bertanya lagi, "Kemudian apa?" Baginda menjawab, "Engkau membunuh anakmu kerana takut ia akan makan bersamamu." (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Tafsīr, Bāb: Qawluhu Ta'ālā: {Fa-lā tukrihū fatayātikum 'alā al-bighā' in aradna taḥaṣṣunan li-tabta ghū arḍa al-ḥayāt al-dunyā, wa-man yukrihhunna fa-inna Allāha min ba'di ikrāhihinna ghafūrun raḥīm}, No. 4207)

Hadith ini secara epistemologi menetapkan bahawa pembunuhan anak (qatl al-awlād) atas sebab ekonomi adalah jenayah kedua terbesar selepas syirik. Larangan ini selari dengan firman Allah dalam Surah al-Isra' ayat 31 dan Surah al-An'am ayat 151.

Perlindungan ini bermula sejak dari peringkat awal kelahiran. Perlindungan janin dalam kandungan (*ḥimāyat al-janīn*) ditegaskan melalui larangan pengguguran tanpa sebab syar'i. Hadith-hadith dalam Kutub al-Tis'ah yang membincangkan diyat (pampasan) untuk janin yang gugur akibat pencerobohan menunjukkan bahawa janin mempunyai hak perlindungan undang-undang.

Selain perlindungan fizikal, Sunnah mengasaskan hak perlindungan spiritual dan rohani. Amalan seperti Adhān dan Iqāmah di telinga bayi yang baru lahir, walaupun status hadithnya dibincangkan, ia diamalkan secara meluas sebagai simbol permulaan kehidupan anak dengan seruan tauhid. Perlindungan spiritual yang lebih *thābit* (kukuh) ditunjukkan oleh *Sunnah Fi'liyyah* (perbuatan)

dan *Qawliyyah* (perkataan) Nabi SAW. Diriwayatkan dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* bahawa Rasulullah SAW sering memohon perlindungan (*ta'wīdh*) untuk kedua-dua cucunya, Hasan dan Husain, dengan doa:

أُعِيذُكُمْ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَأَمَةٍ

Terjemahan: “Aku melindungi kalian berdua dengan kalimat-kalimat Allah yang sempurna, dari setiap syaitan, binatang berbisa, dan dari pandangan mata yang jahat”.

(Sunan Abū Dāwūd, *Awwal Kitāb al-Sunnah*, Bāb fī al-Qur’ān, No. 4737).

Tindakan Nabi ini bukan sekadar kasih sayang seorang datuk. Ia adalah satu penetapan syarak (*tashrīf*) bahawa konsep perlindungan dalam Islam bersifat proaktif dan holistik, merangkumi dimensi fizikal, emosi, dan rohani, berbeza dengan kerangka hak asasi sekular yang sering tertumpu kepada tindakan perundangan selepas kemudaran berlaku. Sunnah juga melarang eksploitasi kanak-kanak, selari dengan hadith yang menegaskan larangan menyia-nyiakan golongan lemah (*al-ḍa'ifayn*).

Tema 2: Hak Nasab dan Identiti (*Ḥaqq al-Nasab wa al-Huwwīyah*)

Identiti yang jelas adalah asas kepada kestabilan psikologi dan sosial seorang kanak-kanak. Islam amat menitikberatkan pemeliharaan nasab (*ḥifẓ al-nasl*). Prinsip utama dalam hal ini diasaskan secara kukuh melalui hadith yang amat masyhur yang diriwayatkan dalam al-*Ṣaḥīḥayn* dan kitab-kitab Sunan lain, daripada Aisyah R.A. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْوَالِدُ لِلْفِرَاشِ وَاللِّغَايِرِ الْحَجَرُ

Terjemahan: “Anak itu bagi pemilik ranjang (suami yang sah), dan bagi penzina adalah batu (hukuman)”. (*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Buyū'*, Bāb Tafsīr al-Mushabbahāt, No. 1948)

Secara epistemologi, hadith ini menetapkan satu kaedah perundangan yang jelas: nasab seorang anak hanya boleh disabitkan melalui ikatan perkahwinan yang sah (*al-firāsh*). Ia melindungi institusi keluarga dan memastikan setiap anak mempunyai bapa yang bertanggungjawab secara sah untuk memberikannya nafkah, pendidikan, dan warisan.

Tema ini diperluaskan dengan hak mendapat nama yang baik (*ḥaqq al-ism al-ḥasan*). Sunnah menggalakkan pemberian nama yang baik, seperti hadith dalam Sunan Abī Dāwūd bahawa nama yang paling disukai Allah ialah 'Abdullāh dan 'Abd al-Raḥmān. Ini adalah hak identiti anak. Selain itu, hadith dalam al-*Ṣaḥīḥayn* mengenai identiti agama (*fitrah*) mengasaskan hak anak untuk dibesarkan dalam persekitaran yang beriman:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ، أَوْ يُنَصِّرَانِهِ، أَوْ يُمَجْسِئَانِهِ، كَمَا كَمَلَ الْبُهَيْمَةُ تُنْتَجُ الْبُهَيْمَةُ، هَلْ تَرَى فِيهَا جَذْعَاءَ

Terjemahan: “Setiap bayi dilahirkan dalam keadaan fitrah, maka kedua ibu bapanya yang menjadikannya Yahudi, Nasrani, atau Majusi. Seumpama seekor haiwan melahirkan haiwan lain, adakah kamu melihat padanya yang terpotong hidungnya?”.

(*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Janā'iz*, Bāb Mā Qīla fī Awlād al-Mushrikīn, No. 1319)

Ini meletakkan tanggungjawab epistemologi kepada ibu bapa untuk memelihara identiti fitrah anak tersebut.

Tema 3: Hak Keadilan dan Kesamarataan (*Ḥaqq al-'Adālah wa al-Musāwāh*)

Prinsip keadilan adalah teras ajaran Islam. Dalam konteks kekeluargaan, hadith yang menjadi tonggak ialah riwayat al-Nu'man bin Basyir yang terdapat dalam hampir semua kitab utama Kutub al-Tis'ah. Apabila bapanya cuba menjadikan Nabi SAW saksi atas pemberian kepada al-Nu'man, Baginda

bertanya, "Adakah engkau memberikan kepada semua anakmu pemberian yang sama?". Apabila bapanya menjawab "tidak", Rasulullah SAW bersabda:

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْبُدُوا بَيْنَ أَوْلَادِكُمْ

Terjemahan: "Maka bertakwalah kamu kepada Allah, dan berlakulah adil di antara anak-anakmu". (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Hibah wa Faḍlihā, Bāb al-Ishhād fī al-Hibah, No. 2447)

Dalam riwayat lain, Baginda secara tegas menolak, "Aku tidak akan menjadi saksi atas satu kezaliman (jawr)". Penggunaan perkataan jawr oleh Nabi SAW mengangkat isu ini daripada sekadar adab kepada satu pengharaman syariah. Ia mengasaskan hak setiap anak untuk dilayan secara adil sebagai prasyarat kepada kesihatan mental dan keharmonian keluarga.

Sunnah secara khusus menolak diskriminasi berasaskan jantina. Hadith-hadith dalam Ṣaḥīḥ Muslim dan lainnya yang menyebut tentang keutamaan menjaga dan mendidik anak perempuan (man 'āla jāriyatayn...) dengan ganjaran syurga dan menjadi pelindung daripada api neraka, secara langsung membatalkan amalan jahiliah yang membenci kelahiran anak perempuan. Malah, hadith lain menegur seorang bapa yang pilih kasih dalam layanan emosi (mencium anak lelaki tetapi tidak anak perempuan), menunjukkan keadilan dituntut dalam aspek material dan juga emosi.

Tema 4: Hak Nafkah dan Jaminan Sosial (*Ḥaqq al-Nafaqah*)

Tanggungjawab menyediakan keperluan asas anak-anak adalah satu kewajipan syarak. Dalam Ṣaḥīḥ Muslim, nafkah kepada keluarga diangkat sebagai bentuk infak yang paling utama. Diriwayatkan daripada Thauban R.A. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَفْضَلُ دِينَارٍ يُنْفِقُهُ الرَّجُلُ دِينَارٍ يُنْفِقُهُ عَلَى عِيَالِهِ

Terjemahan: "Sebaik-baik dinar (harta) yang dinafkahkan oleh seseorang ialah dinar yang dinafkahkan untuk keluarganya". (Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Zakāh, Bāb Faḍl al-Nafaqah 'alā al-'Iyāl wa al-Mamlūk, wa Ithm man Ḍayya 'ahum aw Ḥabasa Nafaqatahū 'anhum, No. 994)

Amaran keras terhadap pengabaianya datang dalam hadith Sunan Abī Dāwūd:

كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يُضَيِّعَ مَنْ يَتُّوْثُ

Terjemahan: "Cukuplah seseorang itu dikira berdosa apabila dia mengabaikan tanggungjawabnya ke atas sesiapa yang berada di bawah penjagaannya". (Sunan Abū Dāwūd, Kitāb al-Zakāh, Bāb fī Ṣilat al-Raḥim, No. 1692)

Hadith ini menjadi asas epistemologi bagi hak kanak-kanak untuk mendapat jaminan sosial daripada penjaga mereka.

Hak ini juga merangkumi hak penyusuan (*ḥaqq al-raḍā'ah*), selari dengan prinsip al-Quran (*ḥawlayni kāmilayni*). Hadith-hadith dalam Kutub al-Tis'ah yang membincangkan hukum-hakam penyusuan (raḍā'ah) dan status ibu susuan (murḍi'ah) secara tidak langsung mengesahkan hak bayi untuk mendapat nutrisi yang secukupnya.

Tambahan pula, tanggungjawab ini diperluas kepada komuniti melalui hadith *kullukum rā'in wa kullukum mas'ul 'an ra'iyatih* (Setiap kamu adalah penjaga dan bertanggungjawab ke atas jagaannya) (HR. al-Bukhari & Muslim), yang meletakkan tanggungjawab kolektif untuk memastikan tiada kanak-kanak yang terabai.

Tema 5: Hak Pendidikan dan Pembentukan Akhlak (*Ḥaqq al-Tarbiyah*)

Pendidikan (*tarbiyah*) adalah hak asasi kanak-kanak yang akan membentuk masa depan mereka. Sunnah menyediakan model pedagogi yang seimbang. Hadith paling fundamental ialah riwayat daripada 'Amr bin Syu'aib (diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ahmad) mengenai perintah solat:

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ، وَاصْرَبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ، وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Terjemahan: “Perintahkanlah anak-anakmu untuk solat ketika mereka berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka (jika enggan) pada usia sepuluh tahun, dan pisahkanlah tempat tidur mereka”. (Sunan Abū Dāwūd, Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Matā Yu'mar al-Ghulām bi al-Ṣalāh, No. 495)

Hadith ini menggariskan pendidikan berperingkat (*tadarruj*). Ia bermula dengan perintah dan galakan (*murū*) pada usia tujuh tahun, dan hanya selepas tiga tahun proses pembiasaan, tindakan disiplin (*iḍribūhum*) yang ringan dan bertujuan mendidik dibenarkan.

Namun, pedagogi Nabawi jauh lebih luas daripada itu. Ia merangkumi *Tarbiyah* (pembentukan holistik), *Ta'lim* (pengajaran ilmu), dan *Ta'dib* (pembinaan adab). Ini terbukti dalam hadith-hadith lain, seperti hadith riwayat al-Bukhari mengenai adab makan: “Wahai anak, sebutlah nama Allah, makanlah dengan tangan kananmu...” yang menunjukkan ta'dib secara langsung. Pendidikan juga merangkumi kemahiran hidup, seperti yang difahami dari semangat hadith-hadith yang menggalakkan kekuatan fizikal. Metodologi utama yang ditunjukkan Sunnah ialah *al-qudwah al-ḥasanah* (teladan yang baik).

Tema 6: Hak Kasih Sayang dan Kesejahteraan Emosi (*Ḥaqq al-Maḥabbah*)

Kesihatan emosi dan mental kanak-kanak diiktiraf secara jelas dalam Sunnah. Kutub al-Tis'ah mendedahkan bahawa kesejahteraan emosi adalah satu hak yang diasaskan secara epistemologi. Riwayat dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī tentang Nabi SAW mencium cucunya, al-Hasan bin Ali, dan teguran Baginda kepada al-Aqra' bin Habis:

مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرْحَمُ

Terjemahan: “Sesiapa yang tidak mengasihi, dia tidak akan dikasihi” (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Adab, Bāb: Raḥmat al-Walad wa Taqbilīhi wa Mu'ānaqātihi, No. 18)

Hadith ini menetapkan kepedulian fizikal sebagai sebahagian daripada rahmah yang dituntut. Tindakan Baginda mendukung Umamah binti Zainab ketika solat (diriwayatkan dalam al-Ṣaḥīḥayn) adalah mesej perundangan yang amat signifikan. Ia menormalkan interaksi penuh kasih sayang dalam ibadah paling formal, membuktikan bahawa keperluan emosi anak tidak boleh diabaikan.

Lebih mendalam, Sunnah mengiktiraf kesejahteraan emosi melalui interaksi yang sensitif. Hadith masyhur dalam Ṣaḥīḥ Muslim di mana Nabi SAW bergurau dengan seorang kanak-kanak yang kematian burung peliharaannya:

يَا أَبَا عُمَيْرٍ، مَا فَعَلَ التُّغَيْرُ؟

Terjemahan: “Wahai Abu 'Umayr, apa yang telah dilakukan oleh si Nughayr (burung kecil)?” (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Adab, Bāb: al-Inbisāṭ ilā al-Nās, No. 5778)

Ini adalah *Sunnah Qawliyyah* yang mengiktiraf kesedihan dan perasaan kanak-kanak, mengasaskan hak mereka untuk didengari dan difahami.

Prinsip *al-rifq* (kelembutan) juga menjadi teras, seperti hadith dalam Ṣaḥīḥ Muslim:

إِنَّ الرِّفْقَ لَا يَكُونُ فِي شَيْءٍ إِلَّا زَانَهُ، وَلَا يُنْزَعُ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا شَانَهُ

Terjemahan: “Sesungguhnya kelembutan (*al-rifq*) tidak ada pada sesuatu melainkan ia akan menghisainya, dan tidaklah ia dicabut daripada sesuatu melainkan ia akan

mencacatkannya”. (Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Ādāb, Bāb Faḍl al-Rifq, 78)

Ini menjadi asas epistemologi untuk menolak kekasaran dalam tarbiyah. Perbuatan-perbuatan Nabi SAW yang berulang dan terbuka ini mempunyai kekuatan sebagai sumber hukum dan mengasaskan hak kanak-kanak untuk menerima kasih sayang sebagai komponen penting dalam tarbiyah.

Tema 7: Hak Golongan Istimewa (Anak Yatim dan Terpinggir)

Islam memberikan perhatian yang luar biasa kepada golongan yang paling lemah dan terpinggir dalam masyarakat, terutamanya anak yatim. *Kutub al-tis'ah* mengandungi hadith yang menjadi asas kepada sistem perlindungan sosial dalam Islam. Hadith yang paling masyhur dalam hal ini ialah riwayat Sahl bin Sa'd dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, di mana Rasulullah SAW bersabda:

(أَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا). وَأَشَارَ بِالسَّبَّابَةِ وَالْوَسْطَى، وَفَرَّجَ بَيْنَهُمَا شَيْئًا

Terjemahan: “Aku dan penjaga anak yatim di dalam syurga seperti ini” sambil mengisyaratkan dengan jari telunjuk dan jari tengah baginda, dan merenggangkan sedikit antara keduanya. (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb al-La‘ān, No. 4998)

Hadith ini mengangkat status penjagaan anak yatim (kafālah) ke darjat ibadah yang ganjarannya adalah kedudukan yang amat dekat dengan Rasulullah SAW. Ini membentuk asas epistemologi yang paling kukuh bagi kewajipan masyarakat untuk melindungi mereka. Perlindungan ini diperkukuh dengan larangan keras mencerooboh harta anak yatim. Selari dengan perintah al-Quran, hadith-hadith dalam *Kutub al-Tis'ah* (contohnya dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī) meletakkan aklu māl al-yatīm (memakan harta anak yatim) sebagai salah satu daripada al-mūbiqāt (dosa-dosa besar yang membinasakan).

Sunnah juga melarang penderaan emosi dan sosial terhadap mereka. Hadith riwayat Ibn Mājah dan Ahmad:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَحْرَجُ حَقَّ الضَّعِيفَيْنِ: الْيَتِيمِ وَالْمَرْأَةِ

Terjemahan: “Ya Allah, sesungguhnya aku menegaskan (larangan mencabuli) hak dua golongan yang lemah: anak yatim dan wanita”. (Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Abwāb al-Adab, Bāb Ḥaqq al-Yatīm, No. 3678; Musnad Aḥmad, Musnad ‘Abd Allāh ibn ‘Amr, Ḥadīth Abī Rimthah, No. 9666)

Hadith ini menunjukkan bahawa pencabulan hak mereka adalah satu kesalahan yang amat serius di sisi Allah SWT.

Seterusnya, rajah 2 di bawah adalah taburan hadith-hadith berkaitan hak kanak-kanak yang disusun mengikut tujuh tema yang telah dibincangkan dalam sembilan kitab-kitab hadith:

Rajah 2: Taburan Tujuh Puluh Sembilan (79) Hadith dalam *Kutub al-Tisah*

TEMA 1: HAK KEHIDUPAN DAN PERLINDUNGAN

BIL	MATAN HADITH	TERJEMAHAN	KUTUB AL-TIS'AH									
			B	M	T	AD	N	IM	MA	A	D	
1	إِنَّ لِنَفْسِكَ عَلَيْكَ حَقًّا، وَلِرَبِّكَ عَلَيْكَ حَقًّا، وَلِضَيْفِكَ عَلَيْكَ حَقًّا، وَلَا هَلْكَ عَلَيْكَ حَقًّا، فَأَعْطِ كُلَّ ذِي حَقِّ حَقَّهُ	‘Sesungguhnya dirimu mempunyai hak ke atasmu, Tuhanmu mempunyai hak ke atasmu, tetamu mempunyai hak ke atasmu, dan keluargamu mempunyai hak ke atasmu. Maka berikanlah setiap yang berhak akan haknya.’			/	/					/	/
2	إِنَّ بَكْرًا تَسْبِيحَةٌ صَدَقَةٌ. وَكُلُّ تَكْبِيرَةٍ صَدَقَةٌ. وَكُلُّ تَحْمِيدَةٍ صَدَقَةٌ. وَكُلُّ تَهْلِيلَةٍ صَدَقَةٌ. وَأَمْرٌ	Sesungguhnya setiap tasbih adalah sedekah, setiap takbir adalah sedekah, setiap tahmid adalah sedekah, setiap tahlil adalah		/							/	

	وَخَطَفَهُ، وَأَطْفُوا الْمَصَابِيحَ عِنْدَ الرُّقَادِ، فَإِنَّ الْفُؤَيْسَةَ رَبِّمَا اجْتَرَّتِ الْفَتِيلَةَ فَأَخْرَقَتْ أَهْلَ الْبَيْتِ	kerana haiwan kecil (tikus) mungkin menarik sumbu dan membakar isi rumah."																			
12	إِذَا كَانَ جُنْحُ اللَّيْلِ، أَوْ أَمْسَيْتُمْ فَكُفُّوا صَبِيحَاتِكُمْ، فَإِنَّ الشَّيَاطِينَ تَنْتَشِرُ جِبْتِيذَ، فَإِذَا ذَهَبَتْ سَاعَةٌ مِنَ اللَّيْلِ فَخُلُّوهُمْ، وَأَغْلِقُوا الْأَبْوَابَ وَادْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ لَا يَفْتَحُ بَابًا مُغْلَقًا	"Apabila masuk waktu malam (permulaan gelap), atau kamu berada di waktu senja, maka tahanlah anak-anak kamu, kerana syaitan bertebaran ketika itu. Apabila sudah berlalu satu jam dari malam, maka lepaskanlah mereka. Tutup pintu-pintu rumah dan sebutlah nama Allah, kerana syaitan tidak dapat membuka pintu yang ditutup dengan nama Allah."	/	/																	
13	رَأَيْتُ السَّائِبَ بْنَ يَزِيدَ، ابْنَ أَرْبَعٍ وَتِسْعِينَ، جَلْدًا مُعْتَدِلًا، فَقَالَ: قَدْ عَلِمْتُ: مَا مُتَّعْتُ بِهِ سَمْعِي وَبَصْرِي إِلَّا بِدُعَاءِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، إِنَّ خَالَتِي ذَهَبَتْ بِي إِلَيْهِ، فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ ابْنَ أُخْتِي شَاكٍ، فَادْعُ اللَّهَ لَهُ، قَالَ: فَدَعَا لِي	Aku melihat al-Sa'ib bin Yazid, berumur sembilan puluh empat tahun, tubuhnya tegap dan seimbang. Dia berkata: "Aku tahu bahawa pendengaran dan penglihatanku masih baik hanyalah kerana doa Rasulullah SAW. Dahulu, ibu saudaraku membawaku kepada baginda dan berkata: 'Wahai Rasulullah, anak saudaraku ini sakit, maka berdoalah kepada Allah untuknya.' Lalu baginda mendoakan aku."	/																		
14	بِأَبِي وَأُمِّي يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَذَا مُحَمَّدُ بْنُ خَاطِبٍ فَتَقَلَّ فِي فَيْكِ، وَمَسَخَ عَلَى رَأْسِكَ، وَدَعَا لَكَ، وَجَعَلَ يَثْقُلُ عَلَى يَدَيْكَ. وَيَقُولُ: " أَذْهَبِ النَّاسَ رَبَّ النَّاسِ، وَاشْفِ أَنْتَ الشَّافِي، لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ، شِفَاءَ لَا يُعَادِرُ سَقَمًا "، فَقَالَتْ: فَمَا فَمَنْتَ بِكَ مِنْ عَيْدِهِ حَتَّى بَرَأَتْ يَدَكَ	Aku membawamu kepada Nabi SAW dan berkata: 'Demi ayah dan ibuku, wahai Rasulullah, ini Muhammad bin Hatib.' Lalu baginda meludah ke mulutmu, mengusap kepalamu, mendoakanmu, dan meludah pada tanganmu sambil berkata: 'Hilangkanlah penyakit, wahai Tuhan manusia. Sembuhkanlah, Engkaulah Penyembuh. Tiada kesembuhan melainkan kesembuhan-Mu, kesembuhan yang tidak meninggalkan sakit.' Beliau berkata: 'Aku tidak bangun dari sisi baginda sehingga tanganmu sembuh.'"	/	/	/	/	/	/	/	/											
15	أَتُرُونَ هَذِهِ طَارِحَةً وَلَدَهَا فِي النَّارِ فَلْنَا: لَا، وَهِيَ تَقْدِرُ عَلَى أَنْ لَا تَطْرَحَهُ، فَقَالَ: (لِلَّهِ أَرْحَمُ بِعِبَادِهِ مِنْ هَذِهِ بَوْلَدِهَا).	Adakah kamu melihat perempuan ini akan melemparkan anaknya ke dalam api? Kami berkata: Tidak, sedangkan dia mampu untuk tidak melemparkannya. Maka baginda bersabda: Allah lebih mengasihani hamba-hamba-Nya daripada perempuan ini terhadap anaknya."	/	/																	
16	يَا رَسُولَ اللَّهِ، انْدَنْ لِي بِالرَّئِي فَأَقْبِلَ الْقَوْمَ عَلَيْهِ، فَزَجَرُوهُ، وَقَالُوا: مَهْ مَهْ، فَقَالَ: " ادْنُهُ " فَدَنَا مِنْهُ قَرِيبًا، قَالَ: فَجَلَسَ، قَالَ: " أَتُحِبُّهُ لِأَمِيكَ؟ " قَالَ: لَا وَاللَّهِ، جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ. قَالَ: " وَلَا النَّاسُ يُجِبُّونَهُ لِأُمَّهَاتِهِمْ " قَالَ: " أَفُحِبُّهُ لِابْنَتِكَ؟ " قَالَ: لَا وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ، جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ. قَالَ: " وَلَا النَّاسُ يُجِبُّونَهُ لِابْنَاتِهِمْ " قَالَ: " أَفُحِبُّهُ لِأُخْتِكَ؟ " قَالَ: لَا وَاللَّهِ، جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ. قَالَ: " وَلَا النَّاسُ يُجِبُّونَهُ لِأَخَوَاتِهِمْ " قَالَ: " أَفُحِبُّهُ لِعَمَّتِكَ؟ " قَالَ: لَا وَاللَّهِ، جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ. قَالَ: " وَلَا النَّاسُ يُجِبُّونَهُ لِعَمَّاتِهِمْ " قَالَ: " أَفُحِبُّهُ لِخَالَتِكَ؟ " قَالَ: لَا وَاللَّهِ، جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ. قَالَ: " وَلَا النَّاسُ يُجِبُّونَهُ لِخَالَاتِهِمْ " قَالَ: فَرَضَعَ يَدَهُ عَلَيْهِ، وَقَالَ: " اللَّهُمَّ اغْفِرْ ذَنْبَهُ، وَطَهِّرْ قَلْبَهُ، وَحَصِّنْ قَرْجَهُ " قَالَ: فَلَمْ يَكُنْ بَعْدَ ذَلِكَ الْفَتَى بَلَّتْ إِلَى شَيْءٍ	Wahai Rasulullah, izinkan aku berzina. Maka orang ramai menghadap kepadanya dan memarahinya, serta berkata: Mah mah (berhenti! berhenti!). Maka baginda bersabda: Mendekatlah. Lalu dia mendekat daripadanya, katanya: Lalu dia duduk. Baginda bersabda: Adakah kamu sukakan ia (zina) untuk ibumu? Dia berkata: Tidak, demi Allah, jadikanlah aku tebusan bagimu. Baginda bersabda: Dan orang ramai pun tidak menyukainya untuk ibu-ibu mereka. Baginda bersabda: Adakah kamu sukakan ia untuk anak perempuanmu? Dia berkata: Tidak, demi Allah wahai Rasulullah, jadikanlah aku tebusan bagimu. Baginda bersabda: Dan orang ramai pun tidak menyukainya untuk anak-anak perempuan mereka. Baginda bersabda: Adakah kamu sukakan ia untuk saudara perempuanmu? Dia berkata: Tidak, demi Allah, jadikanlah aku tebusan bagimu. Baginda bersabda: Dan orang ramai pun tidak menyukainya untuk ibu-ibu saudara mereka (sebelah bapa). Baginda bersabda: Adakah kamu sukakan ia untuk ibu saudaramu (sebelah ibu)? Dia berkata: Tidak, demi Allah, jadikanlah aku tebusan bagimu. Baginda bersabda: Dan orang ramai pun tidak menyukainya untuk ibu-ibu saudara mereka (sebelah bapa). Baginda bersabda: Adakah kamu sukakan ia untuk ibu saudaramu (sebelah ibu)? Dia berkata: Tidak, demi Allah, jadikanlah aku tebusan bagimu. Baginda bersabda: Dan orang ramai pun tidak menyukainya untuk ibu-ibu saudara mereka (sebelah ibu). Katanya: Maka baginda meletakkan tangannya ke atasnya, dan bersabda: Ya Allah, ampunkanlah dosanya, sucikanlah hatinya, dan peliharalah kemaluannya. Katanya: Maka tidaklah pemuda itu selepas itu menoleh kepada sesuatu (maksiat) lagi."																			

TEMA 2: HAK NASAB DAN IDENTITI

BIL	MATAN HADITH	TERJEMAHAN	KUTUB AL-TIS'AH							
			B	M	T	AD	N	IM	MA	A

1	تَرَوُّوا الْوُلُودَ الْوَالِدَ فَبِئْسَ مَكْرًا بِكُمْ الْأَمَم	"Berkahwinlah dengan wanita yang penyayang lagi subur (banyak anak), kerana sesungguhnya aku berbangga dengan bilangan kamu di hadapan umat-umat yang lain."				/															
2	إِذَا جَاءَكُمْ مَنْ تَرْضَوْنَ دِينَهُ وَخُلُقَهُ، فَأَنْكِحُوهُ	"Apabila datang kepada kamu orang yang kamu redhai agama dan akhlaknya (maka kahwinkanlah dia)."				/				/											
3	تَنْكُحُ الْمَرْأَةَ لِأَرْبَعٍ: لِمَالِهَا وَلِحَسْبِهَا وَجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا، فَأَظْفَرُ بِذَاتِ الدِّينِ تَرَبَّتْ بِذَلِكَ	"Wanita dikahwini kerana empat perkara: kerana hartanya, kerana keturunannya, kerana kecantikannya, dan kerana agamanya. Maka pilihlah yang beragama, nescaya beruntunglah kamu."	/	/																	
4	لَا تَزَوِّجُوا النِّسَاءَ لِحُسْنِهنَّ فَعَسَى حُسْنُهُنَّ أَنْ يُرْدِيَهُنَّ كَأَنْ لَا تَزَوِّجُوهُنَّ لِأَمْوَالِهِنَّ، فَعَسَى أَمْوَالُهُنَّ أَنْ تُطْعِيَهُنَّ، وَلَكِنْ تَزَوِّجُوهُنَّ عَلَى الدِّينِ، وَلَأَمَّةٌ خَرَمَاءُ سَوْدَاءُ دَاثٌ دِينٍ أَفْضَلُ	"Janganlah kamu mengahwini wanita kerana kecantikan mereka, kerana boleh jadi kecantikan mereka akan membinasakan mereka. Dan janganlah kamu kahwini mereka kerana harta mereka, kerana boleh jadi harta mereka akan menjadikan mereka sombong. Tetapi kahwinilah mereka kerana agama. Dan sesungguhnya hamba perempuan yang buruk lagi hitam yang beragama adalah lebih baik."												/							
5	تَخَيَّرُوا لِطَفْئِكُمْ وَأَنْكِحُوا الْأَكْفَاءَ وَأَنْكِحُوا الْبَنِيهِمْ	"Pilihlah (pasangan yang baik) untuk air mani kamu, dan kahwinilah orang-orang yang sekufu (setaraf) dan kahwinkanlah kepada mereka."												/							
6	الْوَلَدُ لِلْفَرَّاشِ وَلِلْعَاهِرِ الْحَجَرِ	Anak adalah bagi pemilik tempat tidur (suami yang sah), dan bagi penzina adalah batu"	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	
7	إِنَّ أَحَبَّ أَسْمَائِكُمْ إِلَى اللَّهِ عَبْدُ اللَّهِ وَعَبْدُ الرَّحْمَنِ	"Sesungguhnya nama yang paling dicintai oleh Allah adalah Abdullah dan Abdurrahman."		/																	
8	كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ	"Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah, kemudian kedua ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani, atau Majusi"	/	/	/	/								/	/						
9	وَرَزَتْ فَاطِمَةُ بِنْتُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَعْرَ حَسَنِ وَحُسَيْنٍ، وَرَزَيْتَبَ وَأُمَّ كَلْبُومٍ، فَتَصَدَّقَتْ بِرِزْنَةِ ذَلِكَ فَضَّةً.	"Fatimah binti Rasulullah ﷺ telah menimbang rambut Hasan, Husain, Zainab dan Ummu Kulthum, lalu beliau bersedekah dengan perak seberat timbangan rambut tersebut."																		/	
10	مَعَ الْعَلَامِ عَقِيقَتُهُ فَأَهْرِيغُوا عَنْهُ دَمًا وَأَمِيطُوا عَنْهُ الْأَدَى	"Bersama anak lelaki itu adalah akikahnya; tumpahkanlah darah (sembelihan) untuknya dan buanglah kotoran daripadanya."	/		/	/	/	/	/											/	
11	جَلَسَ عِنْدَ قَرْنٍ مَسْئَلَةً بَاتِعِ النَّاسِ عَلَى الْإِسْلَامِ وَالشَّهَادَةِ قَالَ: قُلْتُ: وَمَا الشَّهَادَةُ؟ قَالَ: أَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنُ الْأَسْوَدِ بْنِ خَلْفِ بْنِ خَلْفٍ أَنَّهُ بَاتِعُهُمْ عَلَى الْإِيمَانِ بِاللَّهِ، وَشَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ	Baginda duduk di Qarn Masfalah, lalu membai'ah mereka atas Islam dan syahadah." "Aku bertanya: Apa itu syahadah?" "Dia menjawab: Muhammad bin al-Aswad bin Khalaf memberitahuku bahawa Nabi SAW membai'ah mereka atas keimanan kepada Allah, dan penyaksian bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, dan bahawa Muhammad adalah hamba dan utusan-Nya."																			/

TEMA 3: HAK KEADILAN & KESAMARATAAN

BIL	MATAN HADITH	TERJEMAHAN	KUTUB AL-TIS'AH																		
			B	M	T	AD	N	IM	MA	A	D										
1	اغْدُلُوا بَيْنَ أَوْلَادِكُمْ فِي الْعَطِيَّةِ	"Berlaku adil antara anak-anak kamu dalam pemberian (hadiah atau pemberian harta)."	/	/																	
2	جَاءَ الذَّنْبُ فَذَهَبَ بِابْنِ إِخْدَاهُمَا ، فَقَالَتْ صَاحِبَتُهَا: إِنَّمَا ذَهَبَ بِابْنِكَ، وَقَالَتْ: الْأُخْرَى: إِنَّمَا ذَهَبَ بِابْنِكَ، فَتَحَاكَمْنَا إِلَى دَاوُدَ، فَقَضَى بِهِ لِلْكَبْرَى، فَخَرَجْنَا عَلَى سُلَيْمَانَ بْنِ دَاوُدَ فَأَخْبَرْتَاهُ، فَقَالَ: التُّونِي بِالسِّبْكِينِ أَشَقُّهُ بَيْنَهُمَا، فَقَالَتْ الصُّعْرَى: لَا تَفْعَلْ بِرَحْمَتِكَ اللَّهُ، هُوَ ابْنُهَا، فَقَضَى بِهِ لِلصُّعْرَى	Dan (baginda bersabda lagi): Ada dua orang wanita bersama anak mereka. Lalu datang seekor serigala dan mengambil anak salah seorang daripada mereka. Maka wanita yang seorang berkata kepada kawannya: 'Sesungguhnya serigala itu telah mengambil anakmu.' Wanita yang lain pula berkata: 'Tidak, ia telah mengambil anakmu.' Maka mereka berdua mengadu kepada Nabi Daud عليه السلام, lalu baginda memutuskan anak itu milik wanita yang lebih tua. Kemudian mereka keluar menemui Nabi Sulaiman bin Daud عليه السلام dan menceritakan hal itu kepadanya. Nabi Sulaiman berkata: 'Bawakan kepadaku sebilah pisau, aku akan belah anak itu antara kamu berdua.'	/						/												

		Maka wanita yang lebih muda berkata: 'Jangan lakukan, semoga Allah merahmati engkau. Dia adalah anaknya (wanita yang satu lagi).' Lalu Nabi Sulaiman memutuskan anak itu milik wanita yang lebih muda."											
3	الشَّيْطَانُ لَيْسَتْحِلُّ الطَّعَامَ الَّذِي لَمْ يُدَكَّرْ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ، وَأَنَّهُ جَاءَ بِهَذَا الْأَعْرَابِيَّ يَسْتَحِلُّ بِهَا فَأَخَذَتْ بِيَدِهِ، وَجَاءَ بِهَذِهِ الْجَارِيَةَ يَسْتَحِلُّ بِهَا فَأَخَذَتْ بِيَدِهَا، فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ إِنْ يَدَهُ لَفِي يَدِي مَعَ أَيْدِيهِمَا	"Sesungguhnya syaitan menghalalkan makanan yang tidak disebut nama Allah atasnya. Ia datang bersama lelaki ini untuk menghalalkan makanan, lalu aku menahan tangannya. Ia datang bersama anak perempuan ini untuk menghalalkan makanan, lalu aku menahan tangannya. Demi Allah, tangan syaitan itu berada dalam tanganku bersama tangan mereka berdua".				/							
4	أَنْتَ أَحَقُّ بِهِ مَا لَمْ تَنْكِحِي	"Engkau (ibu) lebih berhak kepadanya selama engkau belum menikah"				/							/

TEMA 4: HAK NAFKAH & JAMINAN SOSIAL

BIL	MATAN HADITH	TERJEMAHAN	KUTUB AL-TIS'AH										
			B	M	T	AD	N	IM	MA	A	D		
1	قَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَبِيبِ امْرَأَةٍ مِنْ بَنِي لُحْيَانَ سَقَطَ مَتْنًا بَعْرَةً، عَبْرًا أَوْ أَمَةً، ثُمَّ إِنَّ الْمَرْأَةَ الَّتِي قَضَى لَهَا بِالْعُرَّةِ تُوَفِّيَتْ، فَقَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِأَنَّ مِيرَاثَهَا لِبَنِيهَا وَرُوحَهَا،	"Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah memutuskan hukuman bagi janin seorang perempuan dari Bani Lihyan yang gugur dalam keadaan mati dengan ghurrah (diyat berupa hamba lelaki atau hamba perempuan). Kemudian perempuan yang telah diputuskan untuknya ghurrah itu meninggal dunia, maka Rasulullah صلى الله عليه وسلم memutuskan bahawa warisannya adalah untuk anak-anaknya dan suaminya."	/	/	/		/						/
2	فَقَالَا وَاللَّهِ مَا لَهَا عَلَيْنَا نَفَقَةٌ إِلَّا أَنْ تَكُونَ حَامِلًا	"Demi Allah, tiada nafkah baginya ke atas kami melainkan jika dia sedang mengandung."					/						
3	إِذَا بَكَى الْمَوْلُودُ صَلَّى عَلَيْهِ وَوُرِثَ	"Jika bayi menangis setelah dilahirkan, maka disolatkan ke atasnya dan dia berhak menerima warisan"							/				/
4	نِسَاءٌ فَرِيضٌ خَيْرٌ نِسَاءٍ رَكِبْنَ الْإِبِلَ، أُنْحَاءُ عَلَى طِفْلِ، وَأَرْعَاهُ عَلَى رُوحٍ فِي ذَاتِ يَدِهِ	"Wanita Quraisy adalah sebaik-baik wanita yang menunggang unta; paling penyayang terhadap anak, dan paling menjaga suami dalam urusan hartanya."	/	/			/						
5	لَا رِضَاعَةَ إِلَّا مَا كَانَ فِي الْحَوْلَيْنِ	"Tidak ada penyusuan (yang menjadikan hubungan mahram) melainkan yang berlaku dalam tempoh dua tahun."								/			
6	رَفَعَتْ امْرَأَةٌ صَبِيًّا لَهَا. فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! أَلِهَذَا حَجٌّ؟ قَالَ "نَعَمْ. وَلَكَ أَجْرٌ	Seorang wanita mengangkat anak kecilnya lalu berkata: "Wahai Rasulullah, adakah anak ini mendapat pahala haji?" Baginda bersabda: "Ya, dan engkau mendapat pahala."		/	/		/	/	/	/	/		
7	أَنَّ رَجُلًا قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ لِي مَالًا وَوَلَدًا، وَإِنَّ أَبِي يُرِيدُ أَنْ يَجْتَاحَ مَالِي! فَقَالَ: أَنْتَ وَمَالُكَ لِأَبِيكَ	"Wahai Rasulullah, aku mempunyai harta dan anak, sedangkan ayahku mahu menguasai hartaku! "Maka Rasulullah ﷺ bersabda: "Engkau dan hartamu adalah milik ayahmu."					/		/				
8	أَفْضَلُ دِينَارٍ يُنْفَقُهُ الرَّجُلُ دِينَارٍ يُنْفَقُهُ عَلَى عِيَالِهِ.	"Sebaik-baik dinar (harta) yang dinafkahkan oleh seseorang ialah dinar yang dinafkahkan untuk keluarganya".		/									
9	كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يُضَيِّعَ مَنْ يَتَّقُوهُ	"Cukuplah seseorang itu dikira berdosa apabila dia mengabaikan tanggungjawabnya ke atas sesiapa yang berada di bawah penjagaannya".					/						/

TEMA 5: HAK PENDIDIKAN DAN PEMBENTUKAN AKHLAK

BIL	MATAN HADITH	TERJEMAHAN	KUTUB AL-TIS'AH										
			B	M	T	AD	N	IM	MA	A	D		
1	مَا نَحَلَ وَالِدٌ وَلَدَهُ، أَفْضَلُ مِنْ أَدَبٍ حَسَنِ	"Tiada pemberian seorang bapa kepada anaknya yang lebih baik daripada pendidikan yang baik."									/		

2	وإني خلقت عبادي حنفاء كلهم وإنهم أتتهم الشياطين فاجتالهم عن دينهم.	"Sesungguhnya Aku telah menciptakan hamba-hamba-Ku semuanya dalam keadaan hanif (cenderung kepada kebenaran). Namun kemudian datanglah syaitan kepada mereka, lalu menyesatkan mereka daripada agama mereka."	/																
3	وما أردت أن تُعطيَهُ قالت: أُعطيهِ تمرًا، فقال لها رسولُ الله صلى الله عليه وسلم: أما إنك لو لم تُعطيهِ شيئاً كُتِبَتْ عليك كذبةٌ.	"Apa yang kamu mahu berikan kepadanya?" Wanita itu menjawab: "Saya mahu berikan kurma." Maka Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya jika kamu tidak memberikannya sesuatu, akan ditulis atasmu satu dusta."					/											/	
4	أذن في أذن الحسن حين ولدته فاطمة	"(Nabi) mengazankan di telinga al-Hasan ketika Fatimah melahirkannya."			/	/												/	
5	يَا غُلَامُ، إِنِّي أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ أَحْفَظُ اللَّهُ يَحْفَظُكَ، وَأَحْفَظُ اللَّهُ تَجِدَهُ تُجَاهَكَ، إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ، وَإِذَا اسْتَعْنَيْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ، وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ اجْتَمَعَتْ عَلَىٰ أَنْ يَبْفَعُوكَ بِشَيْءٍ، لَمْ يَبْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ	"Wahai anak muda, sesungguhnya aku mengajarmu beberapa kalimat; Peliharalah Allah nescaya Allah memeliharaamu, peliharalah Allah nescaya engkau dapati Dia di hadapanmu. Apabila engkau meminta maka mintalah kepada Allah, dan apabila engkau memohon pertolongan maka mohonlah pertolongan kepada Allah. Dan ketahuilah bahawa sekiranya umat berkumpul untuk memberi manfaat kepadamu dengan sesuatu, mereka tidak dapat memberi manfaat kepadamu melainkan dengan sesuatu yang telah Allah tetapkan untukmu."					/												
6	يَا غُلَامُ، سَمَّ اللَّهُ، وَكُلَّ بِبِمِينِكَ وَكُلَّ مِمَّا يَلِيكَ. فَمَا زَالَتْ تِلْكَ طَعْمَتِي بَعْدُ	"Aku adalah seorang budak kecil dalam asuhan Rasulullah ﷺ dan tanganku bergerak-gerak (tidak menentu) di dalam pinggan. Maka Rasulullah ﷺ bersabda kepadaku: Wahai budak kecil, sebutlah nama Allah, makanlah dengan tangan kananmu, dan makanlah dari yang dekat kepadamu. Maka itulah cara makanku seterusnya selepas itu."	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
7	علموا، ويسبوا ولا تُعسروا	"Ajarilah, permudahkanlah dan jangan dipersukarkan, dan berilah berita gembira."	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
8	إِذَا وَقَعَتْ لَفْمَةٌ أَحَدِكُمْ فَلْيَأْخُذْهَا فَلْيَمِطْ مَا كَانَ بِهَا مِنْ أَدَىٰ وَلْيَأْكُلْهَا. وَلَا يَدْعُهَا لِلشَّيْطَانِ. وَلَا يَمَسَّحْ يَدَهُ بِالْمُؤَدِيلِ حَتَّىٰ يَلْعَقَ أَصَابِعَهُ. فَإِنَّهُ لَا يَدْرِي فِي أَيِّ طَعَامِهِ الْبُرْكَةُ	"Apabila jatuh sepotong makanan salah seorang daripada kamu, hendaklah dia mengambilnya, membersihkan kotoran darinya, lalu memakannya. Jangan biarkan ia untuk syaitan. Dan janganlah dia mengelap tangannya dengan kain sehingga dia menjilat jar-jarinya, kerana dia tidak tahu pada bahagian mana makanannya terdapat keberkatan."	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
9	إِذَا أَكَلَ أَحَدُكُمْ فَلْيَأْكُلْ بِبِمِينِهِ. وَإِذَا شَرِبَ فَلْيَشْرَبْ بِبِمِينِهِ. فَإِنَّ الشَّيْطَانَ يَأْكُلُ بِشِمَالِهِ وَيَشْرَبُ بِشِمَالِهِ	"Apabila salah seorang daripada kamu makan, maka hendaklah dia makan dengan tangan kanannya. Apabila dia minum, maka hendaklah dia minum dengan tangan kanannya. Sesungguhnya syaitan makan dengan tangan kirinya dan minum dengan tangan kirinya."	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
10	كان رسولُ الله صلى الله عليه وسلم جالساً ورجلٌ يأكل، فلم يُسمِ حتى لم يبقَ من طعامِهِ إلا لَفْمَةٌ، فلما رفعها إلى فيه قال: باسمِ اللهِ أوله وآخره، فضحك النبيُّ صلى الله عليه وسلم ثم قال: ما زال الشيطانُ يأكلُ معه، فلما ذكرَ اسمَ الله استقأ ما في بطنِهِ.	"Rasulullah ﷺ sedang duduk dan seorang lelaki sedang makan, maka dia tidak menyebut (nama Allah) sehingga tidak tersisa dari makanannya melainkan sesuap. Apabila dia mengangkatnya ke mulutnya, dia berkata: Dengan nama Allah, awal dan akhirnya. Maka Nabi ﷺ tertawa kemudian bersabda: Syaitan tidak berhenti makan bersamanya, maka apabila dia menyebut nama Allah, syaitan memuntahkan apa yang ada di perutnya."					/	/											/
11	مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاصْرِبْهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ سِنِينَ وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ	"Perintahkanlah anak-anak kalian untuk solat ketika mereka berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka (jika tidak solat) ketika berumur sepuluh tahun, dan pisahkanlah tempat tidur mereka"			/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
12	مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ وَعَمَلَ بِمَا فِيهِ، أَلْبَسَ الْوَدَاهُ تاجاً يَوْمَ الْقِيَامَةِ ضَوْؤُهُ أَحْسَنُ مِنْ ضَوْءِ الشَّمْسِ فِي بَيْوتِ الدُّنْيَا لَوْ كَانَتْ فِيكُمْ، فَمَا ظَنُّكُمْ بِالَّذِي عَمِلَ بِهِذَا؟	"Sesiapa yang membaca al-Quran dan mengamalkan apa yang ada di dalamnya, dipakaikan kepada kedua ibu bapanya mahkota pada hari Kiamat yang cahayanya lebih indah daripada cahaya matahari di rumah-rumah dunia sekiranya ia berada di kalangan kamu. Maka bagaimana sangkaan kamu tentang orang yang mengamalkan ini?"			/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
13	إِذَا عَرَفَ يَمِينَهُ مِنْ شِمَالِهِ فَمُرُوهُ بِالصَّلَاةِ	Baginda bersabda: Apabila dia mengetahui (membezakan) kanan dari kirinya, maka suruhlah dia mengerjakan solat."			/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
14	أَخَذَ الْحَسَنُ بِنُ عُلْيَ تَمْرَةً مِنْ تَمْرِ الصَّدَقَةِ. فَجَعَلَهَا فِي فِيهِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ	Al-Hasan bin Ali mengambil sebiji tamar dari tamar sedekah, lalu dimasukkannya ke dalam mulutnya. Maka Rasulullah ﷺ bersabda:	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/

	وسلم: كَيْحُ كَيْحُ. اِرْمُ بِهَا. اَمَا عَلِمْتَ اَنَا لَا نَأْكُلُ الصَّدَقَةَ؟	Kikh kikh (bunyi untuk menyuruh meludah). Buangkanlah ia. Tidakkah kamu tahu bahawa kami tidak memakan sedekah?												
15	رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثٍ: عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ، وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَحْتَلِمَ، وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى يَعْغَلَ	"Diangkat pena (tidak dicatat dosa) dari tiga golongan: dari orang yang tidur sehingga dia bangun, dari kanak-kanak sehingga dia baligh, dan dari orang gila sehingga dia berakal."	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
16	الرَّجُلُ عَلَى دِينِ خَلِيلِهِ. فَلْيَنْظُرْ أَحَدُكُمْ مَنْ يُخَالِلُ.	"Diangkat pena (tidak dicatat dosa) dari tiga golongan: dari orang yang tidur sehingga dia bangun, dari kanak-kanak sehingga dia baligh, dan dari orang gila sehingga dia berakal."		/	/									
17	اِرْمُوا بَنِي إِسْمَاعِيلَ، فَإِنَّ أَبَاكُمْ كَانَ رَامِيًا، وَأَنَا مَعَ بَنِي فُلَانٍ). قَالَ: فَأَمْسَكَ أَحَدُ الْفَرِيقَيْنِ بِأَيْدِيهِمْ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (مَا لَكُمْ لَا تَرْمُونَ). فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ نَرْمِي وَأَنْتَ مَعَهُمْ، قَالَ: (اِرْمُوا وَأَنَا مَعَكُمْ كُلِّكُمْ).	Manahlah wahai Bani Ismail, kerana sesungguhnya bapa kamu adalah seorang pemanah, dan aku bersama Bani Fulan. Katanya: Maka salah satu daripada dua kumpulan itu berhenti (tidak memanah lagi). Lalu Rasulullah ﷺ bertanya: Mengapa kamu tidak memanah? Mereka menjawab: Wahai Rasulullah, bagaimana kami memanah sedangkan engkau bersama mereka? Baginda bersabda: Manahlah, dan aku bersama kamu semua."	/											
18	اِرْمُوا، مَنْ بَلَغَ الْعَدُوَّ بِسَهْمٍ رَفَعَهُ اللَّهُ بِهِ دَرَجَةً	"Manahlah, sesiapa yang mengenai musuh dengan anak panah, Allah akan mengangkat dia dengannya satu darjat"				/								/
19	إِنَّ مِنْ أَكْبَرِ الْكِبَائِرِ أَنْ يَلْعَنَ الرَّجُلُ وَالِدَيْهِ. قِيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَكَيْفَ يَلْعَنُ الرَّجُلُ وَالِدَيْهِ؟ قَالَ: يَسُبُّ الرَّجُلُ أَبَا الرَّجُلِ، فَيَسُبُّ أَبَاهُ، وَيَسُبُّ أُمَّهُ فَيَسِبُ أُمَّهُ	"Antara dosa besar ialah seseorang mencaci kedua ibu bapanya." Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, adakah seseorang mencaci ibu bapanya?" Baginda menjawab: "Ya, dia mencaci ayah orang lain, lalu orang itu mencaci ayahnya; dan dia mencaci ibu orang lain, lalu orang itu mencaci ibunya."	/	/	/									/
20	مَنْ رَمَى بِسَهْمٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، فَبَلَغَ الْعَدُوَّ؛ أخطأ أو أصاب، كان له كعدل رقبة، ومن أعتق رقبة مسلمة، كان فداء كل عضو منه عضوا منه من نار جهنم، ومن شاب شبية في سبيل الله، كانت له نوراً يوم القيامة.	"Sesiapa yang melepaskan anak panah pada jalan Allah, lalu sampai kepada musuh; sama ada meleset atau kena, adalah baginya seperti memerdekakan hamba. Dan sesiapa yang memerdekakan hamba Muslim, maka menjadi tebusan setiap anggota daripadanya satu anggota daripadanya dari api neraka Jahannam. Dan sesiapa yang beruban (rambutnya memutih) pada jalan Allah, adalah baginya cahaya pada hari Kiamat."					/							/
21	إِنَّ اللَّهَ لَيُدْخِلُ بِالسَّهْمِ الْوَاحِدِ ثَلَاثَةَ الْجَنَّةِ: صَانِعَهُ يَحْتَسِبُ فِي صَنْعَتِهِ الْخَيْرَ، وَالرَّامِيَ بِهِ، وَالْمُؤَمِّدَ بِهِ. وَقَالَ: اِرْمُوا وَارْكَبُوا، وَلَأَنْ تَرْمُوا أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ تَرْكَبُوا، كُلُّ مَا يَلْهُو بِهِ الرَّجُلُ الْمُسْلِمُ باطل إلا رميه بقوسه وتأديبيه فرسه وملاعته أهله فأبهن من الحق.	"Sesungguhnya Allah memasukkan dengan sebatang anak panah tiga orang ke dalam syurga: pembuatnya yang mengharapkan kebaikan dalam pembuatannya, pemanah dengannya, dan pemberi (penyedia) nya. Dan baginda bersabda: Manahlah dan berkudalah, dan sesungguhnya kamu memanah adalah lebih aku sukai daripada kamu menunggang kuda. Setiap permainan yang dilakukan oleh seorang Muslim adalah sia-sia, kecuali memanahnya dengan busurnya, melatih kudanya, dan bermain-main dengan isterinya, maka sesungguhnya semuanya itu adalah termasuk kebenaran (perkara yang hak)."			/									/

TEMA 6: HAK KASIH SAYANG & KESEJAHTERAAN EMOSI

BIL	MATAN HADITH	TERJEMAHAN	KUTUB AL-TIS'AH											
			B	M	T	AD	N	IM	MA	A	D			
1	مَا رَأَيْتُ أَحَدًا كَانَ أَرْحَمَ بِالْعِيَالِ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. قَالَ: كَانَ إِبْرَاهِيمَ مُسْتَرْضِعًا لَهُ فِي عَوَالِي الْمَدِينَةِ. فَكَانَ يَطْلُقُ وَيَحْنُ مَعَهُ. فَيَدْخُلُ الْبَيْتَ وَإِنَّهُ لَيَدْحَنُ. وَكَانَ ظَنْرُهُ قَيْنًا. فَيَأْخُذُهُ فَيَقْبَلُهُ. ثُمَّ يَرْجِعُ.	"Aku tidak pernah melihat seseorang yang lebih penyayang terhadap keluarga daripada Rasulullah SAW." Beliau berkata: "Ibrahim (anak Nabi SAW) disusukan di kawasan 'Awali Madinah. Maka Nabi SAW pergi ke sana bersama kami, lalu masuk ke rumah yang sedang berasap. Penyusu Ibrahim adalah tukang besi. Nabi SAW mengambilnya, menciumnya, kemudian kembali."		/										/
2	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُصَلِّي، وَهُوَ حَامِلٌ أَمَامَةَ بِنْتِ زَيْنَبَ، بِنْتُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَلَأَبِي الْعَاصِمِ بْنِ الرَّبِيعِ بْنِ عَبْدِ شَمْسٍ، فَإِذَا سَجَدَ وَصَعَهَا، وَإِذَا قَامَ حَمَلَهَا.	"Sesungguhnya Rasulullah SAW pernah solat sambil mendukung Umamah binti Zainab, anak perempuan Rasulullah SAW dan Abu al-'As bin al-Rabi' bin 'Abd Syams. Apabila baginda sujud, baginda meletakkannya; dan apabila bangun, baginda mendukungnya."	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/

	يَوْمَ بَدْرٍ، أَصَابَهُ سَهْمٌ غَرِبٌ - فَإِنَّ كَانَ فِي الْجَنَّةِ صِنْدِيقًا، وَإِنْ كَانَ غَيْرَ ذَلِكَ، اجْتَنَهْتُ عَلَيْهِ فِي الْبُكَاءِ؟ قَالَ: يَا أُمَّ حَارِثَةَ، إِنَّهَا جَنَّانٌ فِي الْجَنَّةِ، وَإِنَّ ابْنَكَ أَصَابَ الْفِرْدَوْسَ الْأَعْلَى.	anak panah yang tidak diketahui (arah datangnya) - maka jika dia berada di syurga aku akan bersabar, dan jika selain itu, aku akan bersungguh-sungguh menangisinya? Baginda bersabda: Wahai Ummu Harithah, sesungguhnya ia adalah syurga-syurga dalam syurga, dan sesungguhnya anakmu telah memperolehi Firdaus yang tertinggi."												
13	كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُخَالِطُنَا حَتَّى يَقُولَ لِأَخِي صَغِيرٍ: "يَا أَبَا عُمَيْرٍ، مَا فَعَلَ الْتُعَيْرُ؟" قَالَ وَكَيْعٌ: "يَعْنِي طَيْرًا كَانَ يَلْعَبُ بِهِ	"Rasulullah ﷺ biasa bergaul dengan kami sehingga Baginda berkata kepada adik kecilku: 'Wahai Abū 'Umair, apa yang terjadi dengan burung kecil itu?' Waki' berkata: yang dimaksudkan ialah seekor burung yang dia bermain dengannya."	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/

TEMA 7: HAK GOLONGAN ISTIMEWA

BIL	MATAN HADITH	TERJEMAHAN	KUTUB AL-TIS'AH											
			B	M	T	AD	N	IM	MA	A	D			
1	ابْعُوثِي ضِعْفَاءَكُمْ، فَإِنَّمَا تُرْزَقُونَ وَتُنصَرُونَ بِضِعْفَاتِكُمْ	"Dari Abu Darda', katanya: Aku mendengar Nabi ﷺ bersabda: Carilah untuk aku orang-orang lemah kamu, kerana sesungguhnya kamu diberi rezeki dan kamu ditolong dengan sebab orang-orang lemah kamu."			/								/	
2	أَلَا مَنْ وَلِيَ يَتِيمًا لَهُ مَالٌ فَلْيَتَّجِرْ فِيهِ، وَلَا يَتْرُكْهُ حَتَّى تَأْكُلَهُ الصَّدَقَةُ	"Ketahuilah, sesiapa yang menjadi wali kepada anak yatim yang mempunyai harta, maka hendaklah dia berniaga dengannya, dan jangan dibiarkannya sehingga dimakan oleh sedekah (zakat)."			/									
3	اتَّجِرُوا فِي أَمْوَالِ الْيَتَامَى لَا تَأْكُلْهَا الزَّكَاةُ	"Sesungguhnya Umar bin al-Khattab berkata: Berniaga lah dengan harta anak-anak yatim, supaya tidak dimakan oleh zakat."								/				
4	أَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا). وَأَشَارَ بِالسَّبَابَةِ وَالْوَسْطَى، وَفَرَّخَ بَيْنَهُمَا شَيْئًا.	"Aku dan penjaga anak yatim di dalam syurga seperti ini" sambil mengisyaratkan dengan jari telunjuk dan jari tengah baginda, dan merenggangkan sedikit antara keduanya.	/						/					
5	اللَّهُمَّ إِنِّي أَحْرَجَ حَقَّ الضَّعِيفَيْنِ: الْيَتِيمِ وَالْمَرْأَةِ	"Ya Allah, sesungguhnya aku menegaskan (larangan mencabuli) hak dua golongan yang lemah: anak yatim dan wanita".							/				/	

Nota «Kitab Kutub Tis'ah: B: al-Bukhari; M: Muslim; T: Tirmizi; AD: Abu Dawud; N: Nasaie; IM: Ibnu Majah; MA: Malik; A: Ahmad; D: Darimi.

Bahagian C: Perbincangan

Implikasi utama daripada analisis ini ialah, dengan mengasaskan hak kanak-kanak secara langsung pada teks-teks hadith yang berautoriti dalam *Kutub al-tis'ah*, hak-hak ini beralih daripada sekadar menjadi nilai-nilai moral yang boleh berubah-ubah mengikut budaya kepada prinsip-prinsip syariah yang tetap (*thawābit*). Ia memberikan satu landasan yang kukuh kepada umat Islam untuk berhujah bahawa perlindungan kanak-kanak adalah sebahagian daripada tuntutan agama yang tidak boleh dikompromi.

Dalam konteks kontemporari, kerangka epistemologi ini amat relevan untuk mendepani cabaran-cabaran semasa.

Pertama, dalam isu penderaan kanak-kanak, yang sering disalahertikan sebagai *ta'dib* (disiplin). Analisis *fiqh al-hadith* yang mendalam terhadap nas-nas ini menyediakan hujah balas yang kukuh. Larangan keras Nabi SAW terhadap *jawr* (kezaliman) dalam hadith Nu'man bin Basyir, dan penekanan Baginda terhadap *al-rifq* (kelembutan) dalam hadith riwayat Muslim, boleh diaplikasikan untuk menetapkan batas yang jelas. Penderaan fizikal yang mencederakan dan penderaan emosi (seperti penghinaan atau pilih kasih yang melampau) adalah bertentangan secara langsung dengan *thawābit* yang terkandung dalam Sunnah.

Kedua, dalam isu kesihatan mental dan emosi. Hadith-hadith mengenai kepedulian fizikal (mencium Hasan), pengesahan emosi (gurauan dengan Abu 'Umayr), dan pembinaan keyakinan diri menyediakan asas teologi yang kaya untuk mempromosikan kesihatan mental kanak-kanak sebagai satu tuntutan syarak, bukan sekadar konsep psikologi moden.

Ketiga, dalam konteks pendidikan era digital. Model pedagogi Nabawi yang seimbang menjadi panduan kritikal. Di era di mana *ta'lim* (pemindahan maklumat) berlaku secara melimpah melalui peranti digital, ibu bapa sering mengabaikan *tarbiyah* (pembentukan jiwa) dan *ta'dib* (pembinaan adab). Penekanan Sunnah terhadap *qudwah hasanah* (teladan) mengingatkan bahawa pembentukan akhlak tidak boleh digerakkan secara automatik, tetapi memerlukan interaksi peribadi dan kelembutan (*rifq*) daripada pendidik (ibu bapa).

KESIMPULAN

Kajian ini telah berjaya menunjukkan bahawa Kutub al-Tis'ah bukan sekadar himpunan hadith, tetapi merupakan sebuah arkib epistemologi yang kaya untuk mengasaskan kerangka hak kanak-kanak yang komprehensif dalam Islam. Melalui aplikasi metodologi analisis tematik berasaskan autoriti teks, analisis kandungan tematik terhadap korpus hadith ini telah merumuskan tujuh kategori utama hak kanak-kanak yang saling melengkapi: hak kehidupan (termasuk perlindungan janin dan spiritual), hak nasab (termasuk nama baik dan identiti fitrah), hak keadilan (material dan emosi), hak nafkah (termasuk penyusunan), hak pendidikan (holistik merangkumi Tarbiyah, Ta'lim, dan Ta'dib), hak kasih sayang (termasuk al-rifq dan kesihatan emosi), serta hak-hak istimewa bagi anak yatim (termasuk perlindungan harta mereka).

Dapatan utama kajian ini mengesahkan tesis bahawa hak-hak ini bukanlah konstruk sosial atau nilai etika yang dipinjam, tetapi merupakan prinsip-prinsip syariah yang tetap (*thawābit*) dan berakar umbi secara epistemologi dalam wahyu kedua Islam, iaitu al-Sunnah al-Nabawiyah. Setiap hak ini disokong oleh nas-nas yang jelas daripada himpunan hadith yang paling berautoriti, dan selari dengan objektif-objektif agung syariah (*Maqāṣid al-Sharī'ah*). Analisis ini juga mendedahkan dimensi-dimensi yang mendalam dalam Sunnah, seperti konsep perlindungan yang proaktif, keadilan sebagai prasyarat kesihatan mental, dan afeksi fizikal sebagai hak emosi yang diiktiraf syarak.

Implikasi kajian ini adalah signifikan. Ia menyediakan asas teoretikal dan tekstual yang kukuh bagi para penggubal dasar, ahli perundangan, pendidik, aktivis sosial, dan ibu bapa Muslim untuk merujuk kepada sumber primer Islam dalam usaha memperjuangkan, melindungi, dan melaksanakan hak kanak-kanak. Ia menawarkan satu naratif alternatif yang autentik kepada wacana hak asasi manusia sekular, yang berakar pada tradisi keilmuan Islam itu sendiri.

Bagi kajian lanjutan, beberapa bidang boleh diterokai. [Pertama] satu kajian perbandingan (*muqāranah*) yang mendalam boleh dijalankan antara kerangka hak kanak-kanak yang berasaskan hadith ini dengan peruntukan dalam Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) PBB dan perundangan sivil di negara-negara majoriti Muslim. [Kedua] analisis terhadap fatwa-fatwa kontemporari yang dikeluarkan oleh institusi-institusi Islam terkemuka mengenai isu-isu kanak-kanak (seperti vaksinasi, pendidikan digital, dan perlindungan daripada eksploitasi dalam talian) boleh dikaji untuk melihat sejauh mana ia merujuk hadith-hadith yang dibincangkan dalam kajian ini.

PENGHARGAAN

Para penulis merakamkan penghargaan kepada Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), atas sokongan teknikal yang diberikan.

RUJUKAN

- Abdullah, A. B. (2017). Aplikasi Metode Pemikiran Sistem Dalam Isu Polemik Antara Nas Dan Masalah: Kajian Menurut Perspektif Maqasid Al-Shariah (Doctoral dissertation, University of Malaya (Malaysia)).
- Abū Dāwūd, S. ibn al-Ash'ath. (2009). Sunan Abī Dāwūd (Sh. al-Arnā'ūt, Ed.). Dār al-Risālah al-'Ālamīyah.
- Aḥmad ibn Ḥanbal. (2001). Musnad Aḥmad (Sh. al-Arnā'ūt, Ed.). Mu'assasat al-Risālah.
- Al-Bukhārī, M. ibn Ismā'īl. (1993). Ṣaḥīḥ al-Bukhārī (M. Dīb al-Bughā, Ed.; 5th ed.). Dār Ibn Kathīr & Dār al-Yamāmah.

- Al-Dārimī, ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Raḥmān. (2015). *Musnad al-Dārimī* (M. al-Zahrānī, Ed.). [Tanpa penerbit].
- Al-Nasā’ī, A. ibn Shu‘ayb. (1986). *Sunan al-Nasā’ī* (‘A. al-Fattāḥ Abū Ghuddah, Ed.). Maktab al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyyah.
- Al-Tirmidhī, M. ibn ‘Īsā. (1998). *Jāmi‘ al-Tirmidhī* (B. ‘Awwād Ma‘rūf, Ed.). Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Amir, A. N. (2021). Muhammad Asad dan Epistemologi Tafsirnya: Ide Kontekstual dan Sosio-Historis. *Muqoddima: Jurnal Pemikiran dan Riset Sosiologi*, 2(2), 99-114.
- Anggraini, R. D. (2021). Dialektika Islam dan Hak Asasi Manusia: Antara Teosentrisme dan Antroposentrisme. *Ijtihad*, 37(1). <https://journals.fasya.uinib.org/index.php/ijtihad/article/view/101/49>
- Atriza Umar, & Hamidah Mat. (2024). Penerapan Maqasid al-Syariah dalam Pembangunan Model Kepemimpinan Wanita di Malaysia: The Application of Maqasid al-Shariah in the Development of Women’s Leadership Model in Malaysia. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 151-165. Retrieved from <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/335>
- Auda, J. (2018). Realizing Maqāṣid in the Shaṛī‘ah. The Objectives of Islamic Law the Promises and Challenges of the Maqāṣid al-Shaṛī‘a, 35-56.
- Azhar, M. H. M. (2021). Wacana Dekolonisasi Ilmu Dan Pembentukan Kearifan Tempatan Melalui Kursus Falsafah Dan Isu Semasa: Discourse on the Decolonization of Knowledge and the Formation of Local Wisdom through Philosophy Courses and Current Issues. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 8(1), 65-83. <https://doi.org/10.22452/ris.vol8no1.3>
- Azmi, N., & Basir, S. M. (2020). Ratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap Hak Orang Kurang Upaya: Implikasi dan Realiti dari Dimensi Perundangan dan Kesamarataan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 32(2), 297-319. <https://scholar.archive.org/work/xmh7tremjfeivgu3vrhmqvqowe/access/wayback/http://jurnal.dbp.my/index.php/Kanun/article/download/6894/3457/>
- Azram, M. (2011). Epistemology-an Islamic perspective. *IIUM Engineering Journal*, 12(5), 179-187. <https://doi.org/10.31436/iiumej.v12i5.240>
- Dzulraidi, D. H., Mohd Ithnin, N. K., Amat Famsir @ Amat Tamsir, M. T. ., & Ayub, D. H. (2024). Konsep Qarā’in Al-Tarjīḥ Dalam Pensabitan Samā’: Kajian Terhadap Muqarrar Al-Takhrīj Karya Ḥātim Al-‘awnī: The Concept Of Qarā’in Al-Tarjīḥ In Authenticating Samā’: A Study On Muqarrar Al-Takhrīj By Ḥātim Al-‘Awnī. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 3(1), 169–196. Retrieved from <https://ejournal.muftiwp.gov.my/index.php/jiftah/article/view/67>
- Hadi, U (2023). Pemikiran Hadis Persatuan Islam (Persis). *Pappasang: Jurnal Studi Alquran-Hadis dan Pemikiran Islam*, 5(2), 232-261. <https://doi.org/10.46870/jiat.v5i2.661>
- Hamzah, N. A. (2018). Pelaksanaan Peruntukan Perlindungan dan Kebajikan Kanak-kanak Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia: Kajian dari Perspektif Konvensyen Hak Kanak-kanak 1989 (Doctoral dissertation, University of Malaya (Malaysia)). <https://core.ac.uk/download/pdf/268879766.pdf>
- Hazban, A. M., Nasir, K., Suliaman, I., & Suhaimi, A. (2025). Maruah Kanak-Kanak: Suatu Perspektif Hadis Menjayakan Sustainable Development Goal Ke-16.2: Children's Dignity: A Hadith Perspective on Achieving Sustainable Development Goal 16.2. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 12(3), 162-178. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v12i3.266>
- <http://repository.radenfatah.ac.id/26399/1/Epistemologi%20Kritik%20Hadis%20Menggagas%20Paradigma%20Integrasi%20-%20Interkoneksi%20Dalam%20Uji%20Otentitas%20Hadis.pdf>
- <https://doi.org/10.47776/MJPRS.002.02.01>
- Husni, M., & Pakarti, A. (2023). Perlindungan Hak Anak Dalam Perceraian Menurut Hukum Keluarga Islam. <https://doi.org/10.52496/mjhki.v1i1.7>
- Hutchinson, A. J., O’Leary, P., Squire, J., & Hope, K. (2015). Child protection in Islamic contexts: Identifying cultural and religious appropriate mechanisms and processes using a roundtable methodology. *Child Abuse Review*, 24(6), 395-408. <https://doi.org/10.1002/car.2304>
- Ibn Mājah, M. ibn Yazīd. (2002). *Sunan Ibn Mājah* (Sh. al-Arnā’ūt et al., Eds.). Dār al-Risālah al-‘Ālamīyyah.
- Iksan, Z., Hamjah, S. H., Puji, T. I. Z. T., & Saper, M. N. (2016). Kualiti ilmu berasaskan kesahan dan kebolehpercayaan data dalam penyebaran ilmu Islam: Perbincangan berasaskan kajian kualitatif. *Jurnal Hadhari*, 8(1), 13-30. <https://core.ac.uk/download/pdf/84306922.pdf>

- Ismail, M. S. (1995). Hadis nabi menurut pembela penganjur dan pemalsunya. *Gema Insani*.
- Karimullah, S. S. (2023). Children's Rights in Islam: Towards Gender Equality and Youth Justice. *Mu'Adalah: Jurnal Studi Gender & Anak*. <https://doi.org/10.18592/muadalah.v11i2.11113>
- Kelvin, W., & Darmawan, E. M. (2025). Antroposentrisme, Teknokrasi, dan Krisis Pembangunan: Menuju Paradigma Teosentris. *APOSTOLICUM: Jurnal Pendidikan Keagamaan Katolik Ledalero*, 1(1), 103–122. Retrieved from <https://journal.iftkledalero.ac.id/index.php/JAPOS/article/view/245>
- Lestari, D. A. T. (2019). Tanggung jawab Orang Tua mendidik anak dalam Islam: Analisis kajian buku *Tuhfatul Maudud bi Ahkaamil Maulud karya Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah*. <http://etheses.uin-malang.ac.id/16305/>
- Mālik ibn Anas. (1985). *Al-Muwatta' (M. F. 'Abd al-Bāqī, Ed.). Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī*.
- Manaf, M. A. (2023). POLICY ON PROTECTION OF PAEDOPHILIA VICTIM ACCORDING TO THE LAW IN MALAYSIA AND ITS CONTROL THROUGH PREVENTION PROGRAMMES. *Al-Hikmah*, 15(1), 14-28. <https://doi.org/10.17576/alhikmah.23.151/418>
- Maula, W. N. (2019). Konsep pendidikan anak perspektif Ibnu Qayyim Al Jauziyah dalam kitab *Tuhfatul Maudud bi Ahkaamil Maulud: Analisis Relevansinya dengan Pendidikan Islam Modern*. <http://etheses.uin-malang.ac.id/14654/>
- Moqsith, A., & Al Farisi, S. (2025). Teosentrisme dan Antroposentrisme dalam Al-Qur'an: Kajian Linguistik terhadap Dimensi Kalām dan Lisān. *Refleksi: Jurnal Kajian Agama dan Filsafat*, 24(1), 59-88. <https://core.ac.uk/download/pdf/665004686.pdf>
- Muhsin, A. (2014). Sumber Autentik dan Non-Autentik dalam Tafsir Al-Qur'an. <https://journal.unipdu.ac.id/index.php/religi/article/download/417/364>
- Muslim, M. ibn Hajjāj. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim (M. F. 'Abd al-Bāqī, Ed.). Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī*.
- Nadhiran, H. (2017). Epistemologi Kritik Hadis. *Jurnal Ilmu Agama: Mengkaji Doktrin, Pemikiran, Dan Fenomena Agama*, 18(2), 39-63.
- Nurjanah, S. (2017). Keberpihakan Hukum Islam Terhadap Perlindungan Anak. *Al-'Adalah*, 14(2), 391-432. <https://doi.org/10.24042/adalah.v14i2.2905>
- Olowu, D. (2010). Children's rights, international human rights and the promise of Islamic legal theory. *Law, Democracy & Development*, 12(2), 62-85. <https://doi.org/10.4314/idd.v12i2.52894>
- Puspitasari, N. S., Herlambang, M. G., Abidin, A., & Zabihullah, R. F. (2024). Tinjauan Yuridis Normatif Perlindungan Anak Dalam Perspektif Konsep Hadhanah Dan Undang-Undang Nomor 35 Tahun 2014. *BUSTANUL FUQAHA: Jurnal Bidang Hukum Islam*, 5(2), 309-321. <https://doi.org/10.36701/bustanul.v5i2.1377>
- Rabianski, J. S. (2003). Primary and secondary data: Concepts, concerns, errors, and issues. *The Appraisal Journal*, 71(1), 43.
- Rafiqah, L., Symbolon, P., & Ridwan, M. S. (2025). Perlindungan Anak dalam Perspektif Hukum Islam: Tinjauan atas Hak dan Kewajiban Orang Tua. *Journal of Legal Sustainability*, 2(2), 23-30. <https://doi.org/10.63477/jols.v2i2.240>
- Ramadhani, A. N., Azizah, F. N., Laksono, A. T., & Sanjaya, A. (2025). Menelusuri Kredibilitas Perawi, Syarat–Syarat dan Proses Transformasi Dalam Ilmu Hadits. *Jurnal Study Islam*, 1(01), 99-108. <https://onlinejournal.penacceleration.com/index.php/jsi/article/view/163>
- Rizky, A. (2024). *Etika Berpakaian Dalam Perspektif Hadis (Doctoral Dissertation, Uin Fatmawati Sukarno Bengkulu)*.
- Rusuli, I., & Daud, Z. F. M. (2015). Ilmu pengetahuan dari John Locke ke al-Attas. *Jurnal Pencerahan*, 9(1). <https://core.ac.uk/download/pdf/289863440.pdf>
- Sabri, M., & Sapri, Y. (2024). Relevansi Nilai-Nilai Islam Nusantara dalam Kajian Perspektif Hadis. *Musala: Jurnal Pesantren dan Kebudayaan Islam Nusantara*, 3(2), 84-103. <https://doi.org/10.37252/jpkin.v3i2.767>
- Samuri, M. A. A., Awal, N. A. M., Sham, F. M., & Zainol, N. I. (2021). Hak Kanak-kanak dalam institusi tahanan menurut instrumen Antarabangsa dan Perundangan Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*, 12(2), 283-305. <https://doi.org/10.32890/uumljs2021.12.2.12>
- Sin, M. L. M., & Ahmad, K. A. (2022). Tafsir Nabawi: Kajian Analisis Terhadap Kitab Tafsir Al-Quran (Surah Al-Baqarah) Daripada Kitab Sahih Al-Bukhari. In *International Prophetic Conference (SWAN) FPQS USIM (No. 8th, pp. 410-421)*. <https://swanfpqs.usim.edu.my/index.php/conference/article/download/40/7>

- Siregar, M. H. (2014). *Otoritarianisme Hukum Islam; Kritik atas Hierarki Teks Al-Kutub As-Sittah* (Vol. 1). LKIS Pelangi Aksara.
- Soleh, A. K. (2005). Model-model Epistemologi Islam. *Psikoislamika: Jurnal Psikologi dan Psikologi Islam*, 2(2), 194-201. <https://repository.uin-malang.ac.id/10023/>
- Subagiya, B. (2023). Eksplorasi penelitian Pendidikan Agama Islam melalui kajian literatur: Pemahaman konseptual dan aplikasi praktis. *Ta'dibuna: Jurnal Pendidikan Islam*, 12(3), 304-318. <https://doi.org/10.32832/tadibuna.v12i3.14113>
- Subchi, S. (2019). Pendidikan anak dalam islam: studi atas pemikiran abdullah nashih ulwan. <https://doi.org/10.54213/tsaqafatuna.v1i1.19>
- Sulaeman, O., Sumadinata, R. S., & Yulianti, D. (2021). Polemik Antara Antroposentrisme Dan Ekosentrisme Dalam Perspektif Filsafat Mulla Sadra. *Khazanah: Jurnal Studi Islam dan Humaniora*, 19(2), 161-179. <https://doi.org/10.18592/khazanah.v19i2.4914>
- Tampilang, R. (2023). Dualisme Ekosentrisme dan Antroposentrisme: Sebuah Implikasi Teologis Kejadian 1-3 dan Respon terhadap Gerakan Ekofeminis dalam Melihat Tindakan Eksploitasi Lingkungan. *Mello: Jurnal Mahasiswa Kristen*, 4(2), 18-36. <https://www.ejournal-iakn-manado.ac.id/index.php/mello/article/view/1671/1032>
- Ubaidilla, S., & Yuanita, D. I. (2021). Metode Pendidikan Anak dalam Islam Perspektif Abdullah Nashih 'Ulwan dalam Kitab Tarbiyatul Aulad Fil Islam. *Indonesian Journal of Humanities and Social Sciences*, 2(1), 79–90. <https://doi.org/10.33367/ijhass.v2i1.1897>
- Zain, M. H., Sartika, M., Andria, N. R., Ulandari, Y., & Burhanuddin, N. (2025). Integrasi Wahyu dan Akal dalam Filsafat Ilmu Islam. *Invention: Journal Research and Education Studies*, 515-531. <https://www.pusdikra-publishing.com/index.php/jres/article/download/2656/2045>
- Zani, M. Q. B. M., Halim, A. A., & Rahman, A. A. (2024). Kedudukan Penggunaan Hadis Ahad Mengikuti Perspektif al-Bukhari dan al-Syafie: An Examination of the Position on the Use of Hadith al-Ahad in the Perspectives of al-Bukhari and al-Shafi'i. *Journal Of Hadith Studies*, 77-90. <http://journalofhadith.usim.edu.my/index.php/johs/article/download/316/169>